

D.R. 51/2006

**RANG UNDANG-UNDANG PIHAK BERKUASA WILAYAH
PEMBANGUNAN ISKANDAR 2006**

SUSUNAN FASAL

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Fasal

1. Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran

BAHAGIAN II

PIHAK BERKUASA

3. Pihak Berkuasa
4. Objektif Pihak Berkuasa
5. Fungsi Pihak Berkuasa
6. Kuasa Pihak Berkuasa
7. Fungsi tambahan Pihak Berkuasa
8. Keanggotaan Pihak Berkuasa
9. Pelantikan, pembatalan dan peletakan jawatan
10. Pengosongan jawatan
11. Pengisian kekosongan
12. Saraan atau elaun
13. Penzahiran kepentingan
14. Pihak Berkuasa boleh menubuhkan jawatankuasa
15. Wilayah Pembangunan Iskandar
16. Perwakilan fungsi dan kuasa Pihak Berkuasa
17. Penyata, laporan, akaun dan maklumat

Rang Undang-Undang

BAHAGIAN III

KETUA EKSEKUTIF, PEGAWAI DAN PEKHIDMAT PIHAK BERKUASA Fasal

18. Ketua Eksekutif
19. Pengambilan khidmat pegawai dan pekhidmat lain Pihak Berkuasa
20. Bantuan kewangan kepada anggota, pegawai, pekhidmat dan orang lain
21. Pihak Berkuasa boleh menerima pakai peraturan-peraturan, dsb.

BAHAGIAN IV

ARAH, DASAR DAN STRATEGI BAGI PEMBANGUNAN DALAM WILAYAH
PEMBANGUNAN ISKANDAR

22. Tanggungjawab Pihak Berkuasa
23. Penyediaan draf Rancangan Pembangunan Komprehensif
24. Kelulusan atau penolakan draf Rancangan Pembangunan Komprehensif
25. Kajian semula atau perubahan Rancangan Pembangunan Komprehensif
26. Kewajipan untuk mengambil tahu tentang Rancangan Pembangunan Komprehensif yang diluluskan
27. Pembangunan strategik yang ditetapkan

BAHAGIAN V

PENYELARASAN ANTARA ENTITI KERAJAAN DALAM WILAYAH
PEMBANGUNAN ISKANDAR

28. Agensi penyelaras utama
29. Pesuruhjaya Persekutuan dan Negeri
30. Jawatankuasa Kelulusan dan Pelaksanaan
31. Perkiraan dengan Entiti Kerajaan
32. Tanggungjawab Entiti Kerajaan

BAHAGIAN VI

KEWANGAN

33. Kumpulan Wang
34. Perbelanjaan yang hendaklah dipertanggungkan pada Kumpulan Wang
35. Pemeliharaan Kumpulan Wang

Fasal

36. Kumpulan wang rizab
37. Kumpulan Wang Projek Sosial
38. Akaun bank
39. Kuasa untuk meminjam
40. Pelaburan
41. Perbelanjaan dan penyediaan anggaran
42. Tahun kewangan
43. Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980

BAHAGIAN VII

AM

44. Kuasa untuk mengambil khidmat
45. Kuasa untuk menubuhkan syarikat
46. Kesalahan kerana memberikan maklumat palsu atau mengelirukan
47. Kesalahan bagi pengubahsuaian tanpa kuasa maklumat dalam jagaan Pihak Berkuasa
48. Pengecualian daripada duti setem
49. Obligasi kerahsiaan
50. Perlindungan terhadap tindakan guaman dan prosiding undang-undang
51. Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948
52. Pekhidmat awam
53. Perwakilan dalam prosiding sivil
54. Kuasa untuk membuat peraturan-peraturan
55. Perkara yang dilakukan dalam menjangkakan Akta ini diperbuat
56. Pencegahan anomali

JADUAL

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta untuk memperbadankan Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar, untuk mengadakan peruntukan mengenai arah, dasar dan strategi yang wajar berhubung dengan pembangunan dalam Wilayah Pembangunan Iskandar, untuk mengadakan peruntukan bagi penyelarasan antara agensi kerajaan untuk menggalakkan perdagangan, pelaburan dan pembangunan dalam Wilayah Pembangunan Iskandar, dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan atau bersampingan dengannya.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar 2006.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri, selepas berunding dengan Pihak Berkuasa Negeri Johor, melalui pemberitahuan dalam *Warta*, dan Menteri boleh menetapkan tarikh-tarikh yang berlainan —

(a) bagi permulaan kuat kuasa Akta ini dalam kawasan atau bahagian yang berlainan di Wilayah Pembangunan Iskandar;

- (b) bagi permulaan kuat kuasa peruntukan yang berlainan Akta ini dalam Wilayah Pembangunan Iskandar; atau
- (c) bagi permulaan kuat kuasa peruntukan yang berlainan Akta ini dalam kawasan atau bahagian yang berlainan di Wilayah Pembangunan Iskandar.

Tafsiran

2. (1) Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain —

"Entiti Kerajaan" ertinya—

- (a) Kerajaan Persekutuan, atau mana-mana Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Negeri atau kerajaan tempatan; dan
- (b) mana-mana kementerian, jabatan, pejabat, agensi, pihak berkuasa, suruhanjaya, jawatankuasa, lembaga, majlis atau badan lain, perbadanan atau diperbadankan, bagi Kerajaan Persekutuan, atau bagi mana-mana Kerajaan Negeri atau kerajaan tempatan, sama ada ditubuhkan di bawah undang-undang bertulis atau selainnya;

"jawatankuasa" ertinya suatu jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Pihak Berkuasa di bawah seksyen 14;

"Jawatankuasa Kelulusan dan Pelaksanaan" ertinya Jawatankuasa Kelulusan dan Pelaksanaan yang ditubuhkan di bawah seksyen 30;

"Jawatankuasa Perancang Negeri" ertinya Jawatankuasa Perancang bagi Negeri Johor yang ditubuhkan di bawah seksyen 4 Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [*Akta 172*];

"Kelulusan" ertinya lesen, permit atau pas, pendaftaran dan kelulusan lain termasuk yang berhubungan dengan kemasukan ke dalam, dan perlepasan dari, Malaysia, oleh warganegara bukan Malaysia, dan bagi cukai, duti kastam dan eksais dan insentif fiskal lain, yang dikehendaki bagi atau berkaitan dengan perdagangan, pelaburan dan pembangunan dalam Wilayah Pembangunan Iskandar;

"Ketua Eksekutif" ertinya ketua pegawai eksekutif yang dilantik di bawah subseksyen 18(1) dan termasuklah mana-mana pegawai yang diarahkan di bawah subseksyen 18(7) untuk melaksanakan kewajipan ketua pegawai eksekutif itu;

"Kumpulan Wang" ertinya Kumpulan Wang Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar yang ditubuhkan di bawah seksyen 33;

"Kumpulan Wang Projek Sosial" ertinya Kumpulan Wang Projek Sosial yang ditubuhkan di bawah seksyen 37;

"Majlis Perancang Fizikal Negara" mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976;

"menetapkan" ertinya menetapkan melalui peraturan-peraturan;

"Menteri" ertinya Perdana Menteri;

"Menteri Besar" ertinya Menteri Besar Johor;

"Pengerusi Bersama" ertinya Pengerusi Bersama Pihak Berkuasa yang dilantik menurut seksyen 8;

"Pesuruhjaya" ertinya Pesuruhjaya yang dilantik di bawah seksyen 29;

"Pihak Berkuasa" ertinya Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar yang ditubuhkan di bawah seksyen 3;

"pihak berkuasa perancang tempatan" mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976;

"pihak berkuasa tempatan" ertinya pihak berkuasa tempatan bagi kawasan atau kawasan-kawasan dalam Wilayah Pembangunan Iskandar;

"Rancangan Pembangunan Komprehensif" ertinya Rancangan Pembangunan Komprehensif bagi Wilayah Pembangunan Iskandar, dan termasuklah apa-apa pengubahan kepada Rancangan Pembangunan Komprehensif itu menurut kuasa seksyen 25; dan "draf Rancangan Pembangunan Komprehensif" hendaklah ditafsirkan sebagaimana yang dikehendaki oleh konteksnya;

"rancangan struktur" mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 dalam pemakaiannya bagi Negeri Johor;

"rancangan tempatan" mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976;

"tanah lapang" ertinya mana-mana tanah sama ada dikepung atau tidak yang disusun atur atau dirizabkan untuk disusun atur keseiuruhannya atau sebahagiannya sebagai suatu taman bunga awam, taman awam, padang sukan dan rekreasi awam, tempat makan angin awam, tempat jalan kaki awam atau sebagai suatu tempat awam;

"Wilayah Pembangunan Iskandar" ertinya kawasan atau kawasan-kawasan yang ditentukan oleh Menteri mengikut seksyen 15.

(2) Bagi mengelakkan keraguan, tiada apa-apa jua dalam Akta ini boleh ditafsirkan sebagai mengurangkan atau mengehadkan bidang kuasa, kuasa dan fungsi Pihak Berkuasa Negeri Johor berhubung dengan perkara-perkara tanah dan kerajaan tempatan.

BAHAGIAN II

PIHAK BERKUASA

Pihak Berkuasa

3. (1) Suatu pertubuhan perbadanan dengan nama "Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar" ditubuhkan.

(2) Pihak Berkuasa adalah kekal turun-temurun dan mempunyai suatu meterai perbadanan.

(3) Pihak Berkuasa boleh membawa guaman dan dibawa guaman atas namanya.

(4) Tertakluk kepada dan bagi maksud Akta ini, Pihak Berkuasa boleh, atas apa-apa terma yang difikirkannya patut—

(a) membuat kontrak;

(b) memperoleh, membeli, mengambil, memegang dan menikmati apa-apa jenis harta alih dan harta tak alih; dan

(c) memindahkan, menyerahhakkan, menyerahkan balik, memulangkan, menggadaikan, menggadaikan, mendemiskan, menyerahhakkan semula, memindahkan

hakmilik, atau dengan apa-apa cara lain melupuskan, atau membuat apa-apa urusan mengenai, apa-apa harta alih atau harta tak alih atau apa-apa kepentingan yang terletak hak pada Pihak Berkuasa.

Objektif Pihak Berkuasa

4. Objektif Pihak Berkuasa adalah untuk membangunkan Wilayah Pembangunan Iskandar untuk menjadi suatu metropolis bertaraf antarabangsa yang kukuh dan mapan.

Fungsi Pihak Berkuasa

5. Fungsi Pihak Berkuasa adalah —

- (a) untuk menetapkan dasar, arah dan strategi negara berhubung dengan pembangunan dalam Wilayah Pembangunan Iskandar dan fungsi lain yang berkaitan dengannya sebagaimana yang diperuntukkan dalam Bahagian IV;
- (b) untuk menyelaraskan pelaksanaan aktiviti yang dijalankan oleh Entiti Kerajaan dalam Wilayah Pembangunan Iskandar sebagaimana yang diperuntukkan dalam Bahagian V termasuk —
 - (i) untuk bertindak sebagai ejen penyelarasan utama atau ejen yang diberi kuasa berhubung dengan permohonan untuk mendapatkan Kelulusan yang berkenaan dengannya Pihak Berkuasa telah membuat suatu perjanjian atau perkiraan di bawah seksyen 31;
 - (ii) untuk mengesyorkan standard, garis panduan, amalan terbaik dan proses dan tatacara pentadbiran yang seragam yang hendaklah digunakan oleh Entiti Kerajaan bagi Wilayah Pembangunan Iskandar; dan
 - (iii) untuk memantau pelaksanaan standard, garis panduan, amalan terbaik, proses dan tatacara dalam memudahkan pembangunan di Wilayah Pembangunan Iskandar;

Rang Undang-Undang

- (c) untuk membuat pertanyaan, menjalankan kajian, mengumpul semak, menganalisis dan menyiarkan maklumat, statistik dan faktor yang mempengaruhi atau berkaitan dengan pembangunan, perniagaan atau pelaburan dan untuk menyebarkan maklumat, statistik dan faktor itu kepada pelabur atau pelabur berpotensi, sama ada tempatan atau asing, dalam Wilayah Pembangunan Iskandar dan kepada Entiti Kerajaan yang berkaitan;
- (d) untuk mengesyorkan kepada Entiti Kerajaan yang berkaitan, dasar, undang-undang dan tindakan yang hendaklah terpakai bagi Wilayah Pembangunan Iskandar untuk meningkatkan daya saing antarabangsa bagi industri dan perdagangan dalam Wilayah Pembangunan Iskandar;
- (e) untuk mengesyorkan kepada Entiti Kerajaan yang berkaitan, insentif berhubung dengan cukai, duti kastam dan eksais dan insentif fiskal lain yang terpakai bagi pelabur dalam Wilayah Pembangunan Iskandar;
- (f) untuk memajukan dan merangsang Wilayah Pembangunan Iskandar sebagai suatu pusat perdagangan, pelaburan dan logistik, kawasan bebas duti dan destinasi pelancongan;
- (g) untuk memajukan, merangsang, memudahkan dan mengusahakan dalam Wilayah Pembangunan Iskandar—
 - (i) pembangunan ekonomi dan sosial;
 - (ii) pembangunan pelancongan dan infrastruktur serta pembangunan tempat tinggal, pertanian, perindustrian dan komersial;
 - (iii) pembangunan kesenian, kebudayaan, sukan dan aktiviti-aktiviti rekreasi;
 - (iv) pendidikan awam termasuk pembangunan kemudahan pendidikan; dan
 - (v) kesihatan umum termasuk pembangunan kemudahan kesihatan dan perubatan;
- (h) untuk memajukan pelaburan sektor swasta dalam pembangunan yang disebut dalam perenggan (g);

- (i) untuk merancang, melaksanakan secara berperingkat-peringkat dan menyelaraskan pelaksanaan aktiviti yang disebut dalam perenggan (f) dan (g) dan apa-apa aktiviti lain dalam Wilayah Pembangunan Iskandar yang disifatkan oleh Pihak Berkuasa sebagai mempunyai kepentingan negara yang strategik atau demi kepentingan negara; dan
- (j) untuk menjalankan mana-mana fungsi lain yang diberikan oleh atau di bawah Akta ini dan untuk melaksanakan mana-mana fungsi lain yang adalah tambahan kepada, bersampingan dengan, atau berbangkit daripada mana-mana fungsi yang dinyatakan dalam seksyen ini.

Kuasa Pihak Berkuasa

6. Tertakluk kepada dan bagi maksud Akta ini, kuasa Pihak Berkuasa hendaklah termasuk kuasa—

- (a) untuk menjalankan segala aktiviti, khususnya aktiviti yang bersifat komersial atau perindustrian, aktiviti yang berhubungan dengan perdagangan, pelaburan, logistik, pelancongan, infrastruktur dan aktiviti penyelidikan dan latihan, yang penjalanannya didapati oleh Pihak Berkuasa adalah perlu, berfaedah atau sesuai bagi atau berkaitan dengan pelaksanaan fungsinya;
- (b) untuk mendayausahkan dan menjalankan kajian mengenai kawasan pembangunan dan pembangunan semula yang mungkin dan untuk mencadangkan rancangan yang menggariskan aktiviti pembangunan atau pembangunan semula dan kajian untuk menentukan sama ada pengusahaan dan penjalanan projek pembangunan atau pembangunan semula dapat dilaksanakan;
- (c) untuk menghendaki —
 - (i) semua Entiti Kerajaan yang berkaitan untuk memberikan apa-apa bantuan dan mengemukakan apa-apa maklumat yang ada dalam milikan mereka sebagaimana yang dikehendaki oleh Pihak Berkuasa untuk membolehkan Pihak Berkuasa menjalankan fungsi yang disebut dalam perenggan 5(c); dan

- (ii) semua Entiti Kerajaan, syarikat dan perbadanan, dan badan dan orang lain, sama ada tempatan atau asing, yang terlibat dalam menjalankan atau berniat untuk menjalankan pembangunan dalam Wilayah Pembangunan Iskandar untuk mengemukakan laporan, yang mengandungi apa-apa butir dan maklumat sebagaimana yang dinyatakan oleh Pihak Berkuasa, berkenaan dengan aktiviti mereka atau aktiviti yang dicadangkan oleh mereka;
- (d) untuk menyelaraskan pembangunan, termasuk pembangunan harta, infrastruktur dan kemudahan awam dalam Wilayah Pembangunan Iskandar;
- (e) untuk membuat syor kepada Pihak Berkuasa Negeri Johor dan pihak berkuasa tempatan dalam Wilayah Pembangunan Iskandar berhubung dengan fungsi dan perkhidmatan kerajaan tempatan termasuk kawalan perancangan tempatan dan pengawalseliaan, kelulusan atau kawalan semua bangunan dan pengendalian bangunan, pembaikan dan penghapusan bangunan puing dan berbahaya, dan larangan, penutupan dan perobohan bangunan yang mempunyai kelas, reka bentuk atau rupa tertentu dalam Wilayah Pembangunan Iskandar;
- (f) untuk bekerjasama dengan atau bertindak sebagai ejen yang diberi kuasa bagi, atau selainnya bertindak bersama dengan atau bagi pihak, mana-mana Entiti Kerajaan, mana-mana syarikat atau perbadanan, atau mana-mana badan atau orang, sama ada tempatan atau asing;
- (g) untuk menghubungi secara langsung atau tidak langsung mana-mana pelabur atau pelabur berpotensi, sama ada tempatan atau asing, dengan tujuan untuk menggalakkan pelaburan dalam Wilayah Pembangunan Iskandar;
- (h) untuk memajukan dan menyelaraskan penjalanan aktiviti yang disebut dalam perenggan (a) dan (b) oleh mana-mana Entiti Kerajaan atau orang, sama ada tempatan atau asing;
- (i) untuk menubuhkan atau mengembangkan, atau memajukan penubuhan atau pengembangan, syarikat atau badan lain untuk menjalankan mana-mana aktiviti yang disebut dalam perenggan (a) dan (b) sama ada di bawah kawalan atau kawalan separa Pihak Berkuasa atau secara bebas;

- (j) untuk mengunderait atau selainya memperoleh dan memegang apa-apa sekuriti dan untuk melupuskan sekuriti itu atas apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa;
- (k) tertakluk kepada dan mengikut mana-mana undang-undang bertulis, untuk menubuhkan, menguruskan dan mengendalikan apa-apa kumpulan wang pelaburan, sama ada yang berhubungan dengan harta, saham, syer atau selainya, dan untuk membubarkan kumpulan wang pelaburan itu atas apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa;
- (l) untuk memohon bagi dan menerima pemberimilikan atau pemindahan hakmilik tanah dalam Wilayah Pembangunan Iskandar bagi pembangunan;
- (m) untuk melupuskan aset modal dan untuk menggunakan hasil daripada pelupusan itu;
- (n) untuk melantik mana-mana ejen sebagaimana yang difikirkannya patut bagi maksud melaksanakan fungsinya;
- (o) untuk mengenakan fi, kos, levi, sumbangan atau apa-apa caj lain yang difikirkannya patut bagi memberi kesan kepada mana-mana fungsi atau kuasanya; dan
- (p) untuk melakukan segala perkara yang suai manfaat atau perlu bagi atau bersampingan dengan pelaksanaan fungsinya di bawah Akta ini.

Fungsi tambahan Pihak Berkuasa

7. Sebagai tambahan kepada kewajipan yang dikenakan dan kuasa yang terletak hak pada Pihak Berkuasa oleh Akta ini, Pihak Berkuasa boleh mengusahakan apa-apa fungsi lain, menjalankan apa-apa kuasa lain dan membelanjakan apa-apa wang lain bagi apa-apa maksud yang diserahkan atau diberikan kepadanya oleh Kerajaan Persekutuan, atau Kerajaan Negeri Johor dengan kelulusan Menteri, dan dalam melakukan sedemikian Pihak Berkuasa hendaklah disifatkan sebagai memenuhi maksud Akta ini dan peruntukan Akta ini hendaklah terpakai bagi Pihak Berkuasa berkenaan dengan pengusahaan fungsi itu, penjalanan kuasa itu dan perbelanjaan wang itu:

Dengan syarat bahawa akaun bagi wang itu hendaklah disimpan berasingan dan terpisah daripada akaun Kumpulan Wang.

Keanggotaan Pihak Berkuasa

8. (1) Pihak Berkuasa hendaklah terdiri daripada anggota yang berikut:

- (a) dua orang Pengerusi Bersama, seorang daripadanya ialah Perdana Menteri dan seorang lagi ialah Menteri Besar;
- (b) dua orang wakil Kerajaan Persekutuan, yang terdiri daripada—
 - (i) Ketua Setiausaha Perbendaharaan; dan
 - (ii) Ketua Pengarah Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri;
- (c) dua orang wakil Kerajaan Negeri Johor, yang terdiri daripada—
 - (i) Setiausaha Kerajaan Negeri bagi Negeri Johor; dan
 - (ii) Pengarah Unit Perancang Ekonomi Negeri bagi Negeri Johor; dan
- (d) dua orang anggota lain yang hendaklah dilantik oleh Menteri dengan persetujuan Menteri Besar, yang, pada pendapat Menteri, mempunyai pengalaman dan menunjukkan keupayaan dan profesionalisme dalam perkara yang berhubungan dengan perbankan, kewangan, perancangan, kerajaan tempatan, perdagangan, perniagaan atau pentadbiran, atau selainnya sesuai untuk pelantikan kerana pengetahuan, pengalaman atau kelayakan akademik mereka yang khusus, seorang daripadanya hendaklah daripada sektor perbankan, kewangan atau perdagangan swasta.

(2) Timbalan Perdana Menteri hendaklah menjadi anggota silih ganti kepada Perdana Menteri untuk mempengerusikan, sebagai ganti Perdana Menteri, sesuatu mesyuarat Pihak Berkuasa jika Perdana Menteri tidak dapat hadir atas apa-apa sebab.

(3) Apabila mempengerusikan sesuatu mesyuarat Pihak Berkuasa, Timbalan Perdana Menteri hendaklah bagi segala maksud disifatkan sebagai salah seorang daripada Pengerusi Bersama.

- (4) Peruntukan Jadual hendaklah terpakai bagi Pihak Berkuasa.

Pelantikan, pembatalan dan peletakan jawatan

9. (1) Seseorang anggota Pihak Berkuasa yang dilantik menurut perenggan 8(l)(d) hendaklah, tertakluk kepada apa-apa syarat yang dinyatakan dalam surat cara pelantikannya, memegang jawatan selama tempoh tidak melebihi dua tahun dan adalah layak untuk dilantik semula selama tempoh maksimum tiga penggal berturut-turut.

(2) Pelantikan mana-mana anggota menurut perenggan S(l)(d) boleh pada bila-bila masa dibatalkan oleh Menteri, dengan persetujuan Menteri Besar, tanpa memberikan apa-apa sebab bagi pembatalan itu.

(3) Seseorang anggota yang dilantik menurut perenggan 8(1)(d) boleh pada bila-bila masa meletakkan jawatannya melalui surat yang dialamatkan kepada Menteri.

Pengosongan jawatan

10. Jawatan seseorang anggota Pihak Berkuasa yang dilantik menurut perenggan S(l)(d) menjadi kosong —

- (a) jika dia mati;
- (b) jika telah dibuktikan terhadapnya, atau dia telah disabitkan atas, suatu pertuduhan berkenaan dengan —
 - (i) kesalahan yang melibatkan fraud, kecurangan atau keburukan akhlak;
 - (ii) kesalahan di bawah mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan rasuah atau di bawah seksyen 49; atau
 - (iii) apa-apa kesalahan lain yang boleh dihukum dengan pemenjaraan (sama ada pemenjaraan sahaja atau sebagai tambahan kepada atau sebagai ganti denda) selama lebih daripada dua tahun;
- (c) jika dia menjadi bankrap;
- (d) jika dia tidak sempurna akal atau selainnya tidak berupaya menunaikan kewajipannya;

- (e) jika dia tidak menghadiri mesyuarat Pihak Berkuasa tiga kali berturut-turut tanpa kebenaran Pengerusi Bersama;
- (f) jika peletakan jawatannya diterima oleh Menteri; atau
- (g) jika pelantikannya dibatalkan oleh Menteri.

Pengisian kekosongan

11. Apabila mana-mana orang terhenti menjadi anggota Pihak Berkuasa oleh sebab mana-mana peruntukan Akta ini, seorang lain hendaklah dilantik untuk menggantikannya mengikut peruntukan yang terpakai.

Saraan atau elaun

12. Maka hendaklah dibayar kepada anggota Pihak Berkuasa apa-apa saraan atau elaun sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri.

Penzahiran kepentingan

13. (1) Mana-mana anggota Pihak Berkuasa, Jawatankuasa Kelulusan dan Pelaksanaan atau sesuatu jawatankuasa yang mempunyai atau memperoleh suatu kepentingan langsung atau tidak langsung dengan sendiri, menerusi seseorang anggota keluarganya atau sekutunya berhubung dengan apa-apa perkara yang sedang dibincangkan oleh Pihak Berkuasa atau Jawatankuasa Kelulusan dan Pelaksanaan atau jawatankuasa itu hendaklah menzahirkan kepada Pihak Berkuasa, Jawatankuasa Kelulusan dan Pelaksanaan atau jawatankuasa itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, hakikat kepentingannya dan jenis kepentingan itu.

(2) Penzahiran di bawah subseksyen (1) hendaklah direkodkan dalam minit mesyuarat Pihak Berkuasa, Jawatankuasa Kelulusan dan Pelaksanaan atau jawatankuasa itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang dalamnya perkara itu dibincangkan dan, selepas penzahiran itu, anggota itu —

- (a) tidak boleh hadir atau mengambil bahagian dalam mana-mana perbincangan atau keputusan Pihak Berkuasa, Jawatankuasa Kelulusan dan Pelaksanaan atau jawatankuasa itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, mengenai perkara itu; dan

- (b) tidak boleh dikira bagi maksud membentuk kuorum Pihak Berkuasa, Jawatankuasa Kelulusan dan Pelaksanaan atau jawatankuasa itu, mengikut mana-mana yang berkenaan,

apabila perkara itu dibincangkan atau diputuskan.

(3) Mana-mana anggota Pihak Berkuasa, Jawatankuasa Kelulusan dan Pelaksanaan atau jawatankuasa yang tidak menzahirkan kepentingannya sebagaimana yang diperuntukkan di bawah subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

(4) Tiada tindakan atau presiding Pihak Berkuasa, Jawatankuasa Kelulusan dan Pelaksanaan atau sesuatu jawatankuasa boleh ditidaksahkan atas alasan bahawa mana-mana anggota Pihak Berkuasa, Jawatankuasa Kelulusan dan Pelaksanaan atau jawatankuasa itu telah melanggar seksyen ini.

(5) Bagi maksud seksyen ini —

"anggota keluarganya", berhubung dengan seseorang anggota Pihak Berkuasa, Jawatankuasa Kelulusan dan Pelaksanaan atau sesuatu jawatankuasa, termasuklah —

- (a) suami atau isterinya;
- (b) ibu atau bapanya termasuk ibu atau bapa suami atau isterinya;
- (c) anaknya termasuk anak angkat atau anak tirinya;
- (d) adik-beradiknya termasuk adik-beradik suami atau isterinya; dan
- (e) suami atau isteri anaknya atau adik-beradiknya; dan

"sekutu", berhubung dengan seseorang anggota Pihak Berkuasa, Jawatankuasa Kelulusan dan Pelaksanaan atau sesuatu jawatankuasa, ertinya—

- (a) seorang yang merupakan penama atau pekerja anggota itu;
- (b) firma yang anggota itu atau mana-mana penamanya merupakan seorang pekongsi;
- (c) pekongsi anggota itu;

- (d) pemegang amanah sesuatu amanah yang di bawahnya anggota itu atau anggota keluarganya merupakan seorang benefisiari; atau
- (e) mana-mana perbadanan mengikut pengertian Akta Syarikat 1965 [*Akta 125*], yang anggota itu atau mana-mana penamanya atau anggota keluarganya merupakan seorang pengarah atau mempunyai pemegangan syer yang substansial dalam perbadanan itu.

Pihak Berkuasa boleh menubuhkan jawatankuasa

14. (1) Pihak Berkuasa boleh menubuhkan apa-apa jawatankuasa yang difikirkannya perlu atau suai manfaat untuk membantunya dalam melaksanakan fungsinya di bawah Akta ini.

(2) Pihak Berkuasa boleh memilih mana-mana anggotanya untuk menjadi pengerusi sesuatu jawatankuasa.

(3) Pihak Berkuasa boleh melantik mana-mana orang untuk menjadi anggota mana-mana jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah subseksyen (1).

(4) Seseorang anggota jawatankuasa hendaklah memegang jawatan selama apa-apa tempoh yang dinyatakan dalam surat pelantikannya dan adalah layak untuk dilantik semula.

(5) Pihak Berkuasa boleh membatalkan pelantikan mana-mana anggota jawatankuasa tanpa memberikan apa-apa sebab bagi pembatalan itu.

(6) Seseorang anggota jawatankuasa boleh pada bila-bila masa meletakkan jawatannya dengan memberikan notis secara bertulis kepada Pengerusi Bersama Pihak Berkuasa.

(7) Sesuatu jawatankuasa boleh mengawal selia tataranya sendiri.

(8) Sesuatu jawatankuasa hendaklah tertakluk kepada dan bertindak mengikut apa-apa arahan yang diberikan kepada jawatankuasa itu oleh Pihak Berkuasa.

(9) Pihak Berkuasa boleh pada bila-bila masa memberhentikan atau mengubah keanggotaan sesuatu jawatankuasa.

(10) Mesyuarat sesuatu jawatankuasa hendaklah diadakan pada bila-bila masa dan di mana-mana tempat yang ditentukan oleh pengerusi jawatankuasa itu.

(11) Sesuatu jawatankuasa hendaklah menyebabkan —

(a) minit semua mesyuaratnya disenggarakan dan disimpan dalam bentuk yang sepatutnya; dan

(b) salinan minit semua mesyuaratnya hendaklah dikemukakan kepada Pihak Berkuasa secepat yang dapat dilaksanakan.

(12) Apa-apa minit yang dibuat mengenai mesyuarat sesuatu jawatankuasa hendaklah, jika telah ditandatangani dengan sewajarnya, boleh diterima sebagai keterangan dalam semua prosiding undang-undang tanpa bukti selanjutnya.

(13) Tiap-tiap mesyuarat sesuatu jawatankuasa yang berkenaan dengan perjalanannya minit telah dibuat mengikut subseksyen (11) dan (12) hendaklah disifatkan telah dipanggil dan diadakan dengan sewajarnya dan semua anggota dalam mesyuarat itu layak dengan sewajarnya untuk bertindak.

(14) Sesuatu jawatankuasa boleh mengundang mana-mana orang untuk menghadiri mana-mana mesyuaratnya, bagi maksud menasihatinya tentang apa-apa perkara yang sedang dibincangkan, tetapi orang itu tidak berhak untuk mengundi pada mesyuarat itu.

(15) Anggota sesuatu jawatankuasa atau mana-mana orang yang diundang untuk menghadiri mana-mana mesyuarat sesuatu jawatankuasa boleh dibayar apa-apa elaun dan perbelanjaan lain sebagaimana yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa.

(16) Tiada perbuatan yang dilakukan atau prosiding yang diambil di bawah Akta ini boleh dipersoalkan atas alasan bahawa—

(a) ada apa-apa kekosongan dalam keanggotaan, atau ada apa-apa kecacatan dalam penubuhan, sesuatu jawatankuasa; atau

(b) ada apa-apa peninggalan, kecacatan atau ketidakteraturan yang tidak menyentuh merit hal itu.

Wilayah Pembangunan Iskandar

15. (1) Menteri boleh, dengan persetujuan Pihak Berkuasa Negeri Johor, dari semasa ke semasa, menentukan melalui pemberitahuan dalam *Warta* kawasan atau kawasan-kawasan yang dalamnya Pihak Berkuasa hendaklah melaksanakan fungsinya di bawah Akta ini dan kawasan atau kawasan-kawasan itu hendaklah dikenali sebagai "Wilayah Pembangunan Iskandar".

(2) Walau apa pun apa-apa undang-undang bertulis lain, adalah menjadi tanggungjawab Pihak Berkuasa untuk melaksanakan, dalam Wilayah Pembangunan Iskandar, fungsi yang diperuntukkan oleh Akta ini.

Pewakilan fungsi dan kuasa Pihak Berkuasa

16. (1) Pihak Berkuasa boleh, secara bertulis, mewakilkan mana-mana fungsinya, dan kuasanya, selain kuasanya untuk meminjam wang, untuk mendapatkan pinjaman atau untuk membuat perundangan subsidiari, kepada—

- (a) Pengerusi Bersama;
- (b) seorang anggota Pihak Berkuasa;
- (c) Jawatankuasa Kelulusan dan Pelaksanaan;
- (d) suatu jawatankuasa; atau
- (e) seorang pegawai Pihak Berkuasa.

(2) Tanpa menjejaskan subseksyen (1) dan peruntukan lain Akta ini, Pihak Berkuasa boleh mewakilkan kepada seorang anggota Pihak Berkuasa, Jawatankuasa Kelulusan dan Pelaksanaan, suatu jawatankuasa atau seorang pegawai Pihak Berkuasa, kuasa untuk membenarkan perbelanjaan daripada Kumpulan Wang, Kumpulan Wang Projek Sosial atau apa-apa wang lain yang terletak hak pada dan di bawah kawalan Pihak Berkuasa hingga ke tahap yang dinyatakan oleh Pihak Berkuasa.

(3) Anggota Pihak Berkuasa, Jawatankuasa Kelulusan dan Pelaksanaan, jawatankuasa atau seorang pegawai, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang diwakilkan dengan fungsi atau kuasa sedemikian adalah terikat untuk mematuhi dan mengambil kira segala syarat dan sekatan yang dikenakan oleh Pihak Berkuasa dan segala kehendak, tatacara dan perkara yang dinyatakan oleh Pihak Berkuasa.

(4) Mana-mana fungsi atau kuasa yang diwakilkan di bawah seksyen ini hendaklah dilaksanakan dan dijalankan atas nama dan bagi pihak Pihak Berkuasa.

(5) Perwakilan di bawah seksyen ini tidak menghalang Pihak Berkuasa daripada melaksanakan atau menjalankan sendiri pada bila-bila masa mana-mana fungsi atau kuasa yang diwakilkan itu.

Penyata, laporan, akaun dan maklumat

17. (1) Pihak Berkuasa hendaklah memberikan kepada Menteri, dan mana-mana pihak berkuasa awam sebagaimana yang diarahkan oleh Menteri, apa-apa penyata, laporan, akaun dan maklumat berkenaan dengan harta dan aktiviti-aktiviti Pihak Berkuasa sebagaimana yang dikehendaki atau diarahkan oleh Menteri dari semasa ke semasa.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1), Pihak Berkuasa hendaklah, secepat yang dapat dilaksanakan selepas berakhirnya setiap tahun kewangan, menyebabkan dibuat dan dihantar kepada Menteri dan, jika diarahkan sedemikian oleh Menteri, kepada mana-mana pihak berkuasa awam lain suatu laporan yang memperkatakan aktiviti-aktiviti Pihak Berkuasa sepanjang tahun kewangan yang sebelumnya.

(3) Laporan di bawah subseksyen (2) hendaklah dalam apa-apa bentuk dan hendaklah mengandungi apa-apa maklumat yang berhubungan dengan prosiding dan dasar Pihak Berkuasa sebagaimana yang dinyatakan oleh Menteri dari semasa ke semasa.

BAHAGIAN III

KETUA EKSEKUTIF, PEGAWAI DAN PEKHIDMAT PIHAK BERKUASA

Ketua Eksekutif

18. (1) Pihak Berkuasa hendaklah melantik seorang Ketua Eksekutif atas apa-apa terma dan syarat yang difikirkannya wajar.

(2) Ketua Eksekutif hendaklah bertanggungjawab bagi —

(a) perjalanan, pentadbiran dan pengurusan am fungsi, aktiviti dan hal ehwal had ke hari Pihak Berkuasa;

- (b) penyediaan program, skim dan projek untuk pertimbangan Pihak Berkuasa;
- (c) pelaksanaan semua program, skim dan projek Pihak Berkuasa; dan
- (d) pelaksanaan keputusan Pihak Berkuasa dan arahan Pengerusi Bersama.

(3) Ketua Eksekutif hendaklah mempunyai kawalan am ke atas pegawai dan pekhidmat Pihak Berkuasa.

(4) Ketua Eksekutif hendaklah menjadi Setiausaha kepada Pihak Berkuasa.

(5) Ketua Eksekutif hendaklah melaksanakan apa-apa kewajipan tambahan sebagaimana yang diarahkan oleh Pihak Berkuasa dari semasa ke semasa.

(6) Dalam menunaikan kewajipannya, Ketua Eksekutif hendaklah bertindak di bawah kuasa dan arahan am Pihak Berkuasa.

(7) Jika Ketua Eksekutif tidak ada di Malaysia buat sementara atau tidak berupaya buat sementara oleh sebab sakit atau kerana apa-apa sebab lain untuk melaksanakan kewajipannya, Pihak Berkuasa boleh mengarahkan mana-mana pegawai lain untuk melaksanakan kewajipan Ketua Eksekutif semasa ketidakhadiran atau ketidakupayaan buat sementara itu.

Pengambilan khidmat pegawai dan pekhidmat lain Pihak Berkuasa

19. (1) Tertakluk kepada apa-apa peraturan yang dibuat di bawah subseksyen (3), Pihak Berkuasa boleh, dari semasa ke semasa, mengambil khidmat apa-apa bilangan pegawai dan pekhidmat sebagaimana yang difikirkan wajar dan perlu oleh Pihak Berkuasa dan atas apa-apa terma yang difikirkannya sesuai bagi menjalankan maksud Akta ini.

(2) Tiada seorang pun layak untuk diambil khidmat sebagai pegawai atau pekhidmat Pihak Berkuasa jika dia mempunyai, secara langsung atau tidak langsung, dengan sendiri atau menerusi pekongsinya, apa-apa syer atau kepentingan dalam mana-mana kontrak atau kontrak yang dicadangkan dengan, untuk atau bagi pihak Pihak Berkuasa.

(3) Pihak Berkuasa boleh, dengan kelulusan Menteri, membuat peraturan-peraturan berkenaan dengan syarat-syarat perkhidmatan pegawai dan pekhidmat Pihak Berkuasa.

Bantuan kewangan kepada anggota, pegawai, pekhidmat dan orang lain

20. Pihak Berkuasa boleh memberikan —

- (a) bayaran faedah persaraan, ganjaran dan elaun lain sebagaimana yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa kepada pegawai dan pekhidmat Pihak Berkuasa;
- (b) subsidi, pemberian, kemudahan pembiayaan atau kredit, dengan atau tanpa bunga, bagi maksud perumahan atau kenderaan, dan pembiayaan atau pinjaman belas kasihan lain, kepada anggota, pegawai dan pekhidmat Pihak Berkuasa;
- (c) subsidi, pemberian, kemudahan pembiayaan atau kredit, dengan atau tanpa bunga, bagi maksud perubatan kepada anggota, pegawai dan pekhidmat Pihak Berkuasa, dan orang tanggungan mereka;
- (d) kemudahan pembiayaan atau kredit, dengan atau tanpa bunga, bagi maksud pendidikan atau biasiswa kepada anggota, pegawai dan pekhidmat Pihak Berkuasa atau mana-mana orang lain; dan
- (e) derma kepada mana-mana orang,

atas apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa.

Pihak Berkuasa boleh menerima pakai peraturan-peraturan, dsb.

21. Pihak Berkuasa boleh menerima pakai dengan apa-apa ubah suaian yang difikirkannya patut apa-apa peraturan, kaedah, dasar, surat pekeliling dan arahan yang dibuat atau dikeluarkan oleh Kerajaan Persekutuan berhubung dengan apa-apa perkara di bawah Bahagian ini.

BAHAGIAN IV**ARAH, DASAR DAN STRATEGI BAGI PEMBANGUNAN DALAM
WILAYAH PEMBANGUNAN ISKANDAR****Tanggungjawab Pihak Berkuasa**

22. (1) Dalam melaksanakan fungsinya di bawah Akta ini, adalah menjadi tanggungjawab Pihak Berkuasa untuk —

- (a) memastikan bahawa fungsi **itu** dilaksanakan mengikut cara yang dapat menjayakan dasar Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Johor yang sedang berkuat kuasa dan khususnya dasar yang berhubungan dengan pembangunan di Wilayah Pembangunan Iskandar; dan
- (b) memberi perhatian kepada dan bertindak mengikut rangka am —
 - (i) dasar negara bagi pemajuan dan kawalan penggunaan tanah; dan
 - (ii) dasar am Pihak Berkuasa Negeri Johor berkenaan dengan perancangan pembangunan dan kegunaan tanah dan bangunan.

(2) Tanpa menjejaskan mana-mana peruntukan lain Akta ini, dalam menjalankan tanggungjawabnya di bawah subseksyen (1), Pihak Berkuasa hendaklah —

- (a) membantu Jawatankuasa Perancang Negeri dan pihak berkuasa perancang tempatan yang berkaitan untuk menyelaraskan pembangunan dalam Wilayah Pembangunan Iskandar, dan bagi maksud ini, Pihak Berkuasa hendaklah menyediakan suatu Rancangan Pembangunan Komprehensif dan merumuskan strategi dan inisiatif bagi pelaksanaan Rancangan Pembangunan Komprehensif dalam sektor swasta dan awam untuk diterima pakai oleh pihak berkuasa perancang tempatan menurut subseksyen 24(4);
- (b) menyepadukan dasar dan strategi perancangan Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri Johor dan pihak berkuasa perancang tempatan setakat yang dasar dan strategi perancangan itu boleh terpakai bagi atau berkaitan dengan Wilayah Pembangunan Iskandar;

- (c) melaksanakan strategi dan inisiatif bagi pembangunan perdagangan dan pemasaran antarabangsa, dan tarikan pelaburan ke Wilayah Pembangunan Iskandar, mengikut Rancangan Pembangunan Komprehensif;
- (d) mengenal pasti infrastruktur yang diperlukan untuk mengekalkan dan mengembangkan ekonomi di Wilayah Pembangunan Iskandar mengikut Rancangan Pembangunan Komprehensif, membangunkan dan mengesyorkan strategi dan inisiatif bagi penyediaan infrastruktur itu, menerima dan menyalurkan apa-apa wang yang diuntukkan oleh Parlimen bagi penyediaan infrastruktur itu dan memantau pembinaan, pelaksanaan, pengendalian dan penyenggaraannya;
- (e) mengesyorkan kriteria yang hendaklah dipenuhi oleh Entiti Kerajaan dan kontraktor swasta berhubung dengan penyediaan, atau keupayaan untuk menyediakan, infrastruktur atau perkhidmatan yang diperlukan, mengikut Rancangan Pembangunan Komprehensif, bagi pembangunan ekonomi di Wilayah Pembangunan Iskandar;
- (f) mengenal pasti kemahiran yang diperlukan bagi pengekalan dan pengembangan ekonomi di Wilayah Pembangunan Iskandar dan membangunkan strategi bagi memastikan bahawa kemahiran itu dibina dan dikekalkan; dan
- (g) menyepadukan penyelidikan saintifik dan teknologi dan pengeksploitan komersialnya dalam rangka ekonomi Wilayah Pembangunan Iskandar.

Penyediaan draf Rancangan Pembangunan Komprehensif

23. (1) Bagi maksud perenggan 22(2)(a), Pihak Berkuasa hendaklah menyediakan suatu draf Rancangan Pembangunan Komprehensif bagi Wilayah Pembangunan Iskandar.

(2) Draft Rancangan Pembangunan Komprehensif hendaklah mengandungi pernyataan bertulis dan —

- (a) hendaklah merumuskan, dengan terperinci sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh Pihak Berkuasa, cadangannya bagi rangka keseluruhan, wawasan dan objektif pembangunan Wilayah Pembangunan Iskandar, yang hendaklah termasuk strategi bagi pembangunan fizikal, ekonomi dan sosial di Wilayah Pembangunan Iskandar;

- (b) hendaklah merumuskan, dengan terperinci sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh Pihak Berkuasa, cadangannya bagi inisiatif perancangan dan pelaksanaan untuk merealisasikan strategi yang disebut dalam perenggan (a), yang hendaklah termasuk inisiatif yang berhubungan dengan —
- (i) fungsi Pihak Berkuasa di bawah perenggan 5(b) dan (d);
 - (ii) peningkatan kualiti persekitaran hidup dalam Wilayah Pembangunan Iskandar;
 - (iii) peningkatan pembangunan sosial dalam Wilayah Pembangunan Iskandar;
 - (iv) pengurusan kegunaan tanah dalam Wilayah Pembangunan Iskandar;
 - (v) pengurusan dan pemajuan pempandaran di Wilayah Pembangunan Iskandar;
 - (vi) perlindungan, pemeliharaan dan peningkatan sumber alam sekitar semula jadi, sumber pertanian, taman dan tanah lapang dalam Wilayah Pembangunan Iskandar;
 - (vii) pembangunan kawasan pantai dalam Wilayah Pembangunan Iskandar berseimbang dengan perlindungan persekitaran pantai semula jadi;
 - (viii) penggiatan semula dan peningkatan persekitaran ekonomi, sosial dan fizikal Pusat Bandar Johor Bahru;
 - (ix) penyediaan, pengintegrasian dan penyelarasan infrastruktur bandar dan perkhidmatan kemudahan dalam Wilayah Pembangunan Iskandar;
 - (x) pembaikan perhubungan bandar dalam Wilayah Pembangunan Iskandar bagi pergerakan barang-barang dan manusia;
 - (xi) pemajuan pembangunan berorientasikan pengangkutan dalam Wilayah Pembangunan Iskandar; dan
 - (xii) pembangunan komersial yang disasarkan,

yang hendaklah selaras dengan rangka keseluruhan, wawasan, objektif dan strategi yang disebut dalam perenggan (a); dan

- (c) boleh merumuskan, dengan terperinci sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh Pihak Berkuasa, cadangan, dasar dan strateginya yang terpakai bagi kawasan di sekeliling Wilayah Pembangunan Iskandar setakat yang cadangan, dasar dan strategi itu semunasabahnya dikehendaki untuk mencapai cadangan yang disebut dalam perenggan (a) dan (b); dan tanpa menjejaskan keluasan peruntukan yang terdahulu, cadangan, dasar dan strategi yang terpakai bagi kawasan di sekeliling Wilayah Pembangunan Iskandar boleh termasuk perkara yang berhubungan dengan keselamatan, perlindungan dan pembaikan alam sekitar dan pemeliharaan sumber semula jadi.

(3) Draf Rancangan Pembangunan Komprehensif hendaklah mengandungi, atau disertakan dengan, apa-apa peta, gambar rajah, ilustrasi, laporan, lukisan, model dan bahan perihalan sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh Pihak Berkuasa bagi maksud menjelaskan atau menerangkan cadangan dalam Rancangan Pembangunan Komprehensif, atau sebagaimana yang dalam apa-apa hal tertentu dinyatakan dalam arahan yang diberikan oleh Jawatankuasa Perancang Negeri; dan peta, gambar rajah, ilustrasi, laporan, lukisan, model dan bahan perihalan itu hendaklah dikira sebagai menjadi sebahagian daripada Rancangan Pembangunan Komprehensif.

(4) Dalam merumuskan cadangannya dalam draf Rancangan Pembangunan Komprehensif, Pihak Berkuasa hendaklah berunding dengan Majlis Perancang Fizikal Negara, Jawatankuasa Perancang Negeri dan pihak berkuasa perancang tempatan dalam Wilayah Pembangunan Iskandar, dan memastikan bahawa cadangan itu pada amnya mematuhi rancangan struktur sebagaimana keadaannya pada masa ini, sama ada ia telah berkuat kuasa atau belum, dan hendaklah memberi perhatian kepada —

- (a) apa-apa maklumat dan pertimbangan lain yang pada pendapatnya berkaitan, atau yang Majlis Perancang Fizikal Negara atau Jawatankuasa Perancang Negeri dalam apa-apa hal tertentu mengarahkannya untuk mengambil kira; dan
- (b) dasar negara, Negeri Johor dan serantau di mana-mana yang berkaitan.

Kelulusan atau penolakan draf Rancangan Pembangunan Komprehensif

24. (1) Apabila Pihak Berkuasa telah menyediakan draf Rancangan Pembangunan Komprehensif, Pihak Berkuasa hendaklah mengemukakan draf Rancangan Pembangunan Komprehensif itu kepada Jawatankuasa Perancang Negeri untuk kelulusannya.

(2) Jika Jawatankuasa Perancang Negeri berpendapat bahawa draf Rancangan Pembangunan Komprehensif atau mana-mana bahagian daripadanya tidak disediakan mengikut kehendak subseksyen 23(4), Jawatankuasa Perancang Negeri boleh menahan kelulusannya kepada draf Rancangan Pembangunan Komprehensif itu sehinggalah kehendak itu telah dipenuhi.

(3) Pihak Berkuasa hendaklah menyiarkan fakta kelulusan draf Rancangan Pembangunan Komprehensif oleh Jawatankuasa Perancang Negeri —

(a) di laman web internet Pihak Berkuasa, dalam bahasa kebangsaan dan Inggeris, bersama dengan Rancangan Pembangunan Komprehensif yang diluluskan; dan

(b) dalam tiga keluaran sekurang-kurangnya satu surat khabar tempatan dalam bahasa kebangsaan dan satu surat khabar tempatan dalam bahasa Inggeris, bersama dengan tanda yang dengannya Rancangan Pembangunan Komprehensif yang diluluskan boleh dikenal pasti dan dengan suatu pernyataan tentang tempat di mana Rancangan Pembangunan Komprehensif yang diluluskan itu boleh diperiksa.

(4) Selepas Rancangan Pembangunan Komprehensif telah diluluskan—

(a) berhubung dengan mana-mana kawasan dalam Wilayah Pembangunan Iskandar yang baginya suatu rancangan tempatan masih belum menerima persetujuan Pihak Berkuasa Negeri Johor, Jawatankuasa Perancang Negeri hendaklah memberikan suatu arahan kepada pihak berkuasa perancang tempatan yang berkaitan di bawah perenggan 2(3)(b) dan subseksyen 12(8) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 untuk memasukkan ke dalam draf rancangan tempatan bagi kawasan itu apa-apa kandungan Rancangan Pembangunan Komprehensif yang diluluskan sebagaimana yang difikirkan berkaitan atau sesuai oleh Jawatankuasa Perancang Negeri; dan

- (b) berhubung dengan mana-mana kawasan dalam Wilayah Pembangunan Iskandar yang baginya suatu rancangan tempatan telah menerima persetujuan Pihak Berkuasa Negeri Johor, Jawatankuasa Perancang Negeri hendaklah memberikan suatu arahan kepada pihak berkuasa perancang tempatan yang berkaitan di bawah subseksyen 16(2) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 untuk mengubah rancangan tempatan itu dengan memasukkan apa-apa kandungan Rancangan Pembangunan Komprehensif yang diluluskan itu sebagaimana yang difikirkan berkaitan atau sesuai oleh Jawatankuasa Perancang Negeri.

Kajian semula atau perubahan Rancangan Pembangunan Komprehensif

25. (1) Pihak Berkuasa dan Jawatankuasa Perancang Negeri boleh pada bila-bila masa secara bersesama mengkaji semula atau mengubah Rancangan Pembangunan Komprehensif.

(2) Seksyen 24 hendaklah terpakai, dengan ubah suaian yang perlu, berhubung dengan suatu perubahan Rancangan Pembangunan Komprehensif sebagaimana seksyen itu terpakai berhubung dengan penyediaan draf Rancangan Pembangunan Komprehensif.

Kewajipan untuk mengambil tahu tentang Rancangan Pembangunan Komprehensif yang diluluskan

26. Menjadi kewajipan tiap-tiap Entiti Kerajaan dan orang, sama ada tempatan atau asing, untuk mengambil tahu tentang, dan bertindak mengikut cara yang selaras dengan —

- (a) kandungan Rancangan Pembangunan Komprehensif yang diluluskan yang tidak dimasukkan ke dalam suatu rancangan tempatan menurut subseksyen 24(4) dalam melaksanakan fungsi dan kewajipannya, dalam menjalankan kuasanya, dan dalam menjalankan aktivitinya, dalam Wilayah Pembangunan Iskandar; dan
- (b) kandungan Rancangan Pembangunan Komprehensif yang diluluskan sebagaimana yang diperihalkan dalam perenggan 23(2)(c) yang tidak dimasukkan ke dalam suatu rancangan tempatan menurut subseksyen 24(4), jika ada, dalam melaksanakan fungsi dan kewajipannya, dalam menjalankan kuasanya, dan dalam menjalankan aktivitinya di kawasan sekeliling Wilayah Pembangunan Iskandar.

Pembangunan strategik yang ditetapkan

27. (1) Pihak Berkuasa dengan persetujuan Jawatankuasa Perancang Negeri boleh melalui perintah menetapkan apa-apa pembangunan atau mana-mana kawasan atau kawasan-kawasan dalam Wilayah Pembangunan Iskandar yang mungkin mempunyai kesan ekonomi yang penting kepada Wilayah Pembangunan Iskandar masing-masing sebagai suatu pembangunan strategik yang ditetapkan atau kawasan pembangunan strategik yang ditetapkan.

(2) Mana-mana orang atau Entiti Kerajaan yang berniat untuk menjalankan —

- (a) apa-apa pembangunan strategik yang ditetapkan; atau
- (b) apa-apa pembangunan dalam kawasan pembangunan strategik yang ditetapkan,

hendaklah mula-mula sekali merujuk cadangan pembangunan itu kepada Pihak Berkuasa untuk mendapatkan arahannya sebelum menjalankan pembangunan yang dicadangkan itu.

(3) Arahan yang diberikan di bawah subseksyen (2) adalah untuk memastikan pematuhan dan keselarasan dengan kandungan Rancangan Pembangunan Komprehensif yang tidak dimasukkan ke dalam suatu draf rancangan tempatan menurut subseksyen 24(4).

BAHAGIAN V

PENYELARASAN ANTARA ENTITI KERAJAAN DALAM WILAYAH
PEMBANGUNAN ISKANDAR**Agensi penyelaras utama**

28. (1) Pihak Berkuasa hendaklah, dalam menyelaraskan pelaksanaan aktiviti yang dijalankan oleh Entiti Kerajaan dalam Wilayah Pembangunan Iskandar—

- (a) bertindak sebagai ejen penyelaras utama atau ejen yang diberi kuasa bagi pihak Entiti Kerajaan yang berhubung dengan penerimaan, pemprosesan dan pencepatan Kelulusan dan tindakan pentadbiran yang diperlukan berhubung dengan permohonan untuk mendapatkan Kelulusan yang berkenaan dengannya Pihak Berkuasa telah membuat suatu perjanjian atau perkiraan di bawah seksyen 31; dan

- (b) memberikan perkhidmatan pentadbiran dan bantuan kepada Pihak Berkuasa Negeri Johor berkaitan dengan perkara-perkara yang berhubungan dengan tanah dalam Wilayah Pembangunan Iskandar.

(2) Pihak Berkuasa boleh, dalam menjalankan peranan yang disebut dalam perenggan (1)(a) —

- (a) mengenakan ke atas pemohon bagi Kelulusan apa-apa fi, kos, levi, sumbangan atau apa-apa caj lain sebagaimana yang ditetapkan berkenaan dengan perkhidmatan yang diberikan oleh Pihak Berkuasa; dan
- (b) bagi pihak Entiti Kerajaan yang berkaitan, memungut daripada pemohon bagi Kelulusan apa-apa fi, kos, levi, sumbangan atau apa-apa caj lain sebagaimana yang dikehendaki dengan sah oleh Entiti Kerajaan itu berkaitan dengan permohonan itu.

Pesuruhjaya Persekutuan dan Negeri

29. (1) Pihak Berkuasa hendaklah melantik dua orang Pesuruhjaya atau lebih daripada kalangan pegawai dan pekhidmat Pihak Berkuasa untuk membantu Pihak Berkuasa melaksanakan fungsinya di bawah seksyen 28.

(2) Sekurang-kurangnya seorang daripada Pesuruhjaya itu hendaklah diberi kuasa oleh Kerajaan Persekutuan untuk berhubung dengan dan menyelaraskan semua kementerian, jabatan, pejabat, agensi, pihak berkuasa, suruhanjaya, jawatankuasa, lembaga, majlis atau badan lain, perbadanan atau diperbadankan, Kerajaan Persekutuan yang berkaitan untuk mempercepat pengeluaran atau pemberian semua Kelulusan yang dikehendaki atau yang ada di bawah undang-undang Persekutuan.

(3) Sekurang-kurangnya seorang daripada Pesuruhjaya itu hendaklah diberi kuasa oleh Kerajaan Negeri Johor dengan kuasa untuk berhubung dengan dan menyelaraskan semua jabatan, pejabat, agensi, pihak berkuasa, suruhanjaya, jawatankuasa, lembaga, majlis atau badan lain, perbadanan atau diperbadankan, Kerajaan Negeri Johor yang berkaitan untuk mempercepat pengeluaran atau pemberian semua Kelulusan yang dikehendaki atau yang ada di bawah undang-undang Negeri Johor.

Jawatankuasa Kelulusan dan Pelaksanaan

30. (1) Pihak Berkuasa hendaklah menubuhkan Jawatankuasa Kelulusan dan Pelaksanaan yang hendaklah terdiri daripada anggota yang berikut:

- (a) seorang pengerusi, yang ialah Menteri Besar;
- (b) Ketua Eksekutif;
- (c) seorang wakil kanan daripada kementerian yang bertanggungjawab bagi kewangan;
- (d) seorang wakil kanan daripada Suruhanjaya Syarikat Malaysia;
- (e) seorang wakil kanan daripada kementerian yang bertanggungjawab bagi imigresen;
- (f) seorang wakil kanan daripada kementerian yang bertanggungjawab bagi perdagangan antarabangsa dan industri;
- (g) Pengarah Jabatan Tanah dan Galian Negeri;
- (h) Pengarah Perancang Negeri;
- (i) Pesuruhjaya;
- (j) Yang Dipertua bagi tiap-tiap pihak berkuasa tempatan dalam Wilayah Pembangunan Iskandar; dan
- (k) mana-mana anggota lain yang dilantik oleh Pihak Berkuasa.

(2) Pihak Berkuasa boleh, berkenaan dengan setiap anggota yang dilantik di bawah perenggan (a) hingga (f), melantik seorang anggota silih ganti untuk menghadiri mesyuarat Jawatankuasa itu jika anggota itu tidak dapat hadir atas apa-apa sebab.

(3) Apabila menghadiri mesyuarat Pihak Berkuasa seseorang anggota silih ganti hendaklah bagi segala maksud disifatkan sebagai anggota Jawatankuasa itu.

(4) Jawatankuasa Kelulusan dan Pelaksanaan hendaklah bertanggungjawab bagi —

- (a) mengenal pasti cadangan pembangunan dan pelaburan yang utama atau strategik dalam Wilayah Pembangunan Iskandar;

- (b) memantau status semua Kelulusan berhubung dengan cadangan pembangunan dan pelaburan yang utama atau strategik itu;
- (c) menyelaraskan peranan dan aktiviti semua Entiti Kerajaan yang berkaitan untuk mempercepat pelaksanaan cadangan pembangunan dan pelaburan yang utama atau strategik itu;
- (d) mengenal pasti apa-apa kesulitan atau isu yang timbul semasa pelaksanaan cadangan pembangunan dan pelaburan yang utama atau strategik itu, dan mengambil atau mengesyorkan langkah dan tindakan pentadbiran yang sesuai untuk menyelesaikan kesulitan atau isu itu;
- (e) melaporkan status pelaksanaan cadangan pembangunan dan pelaburan yang utama atau strategik itu kepada Pihak Berkuasa; dan
- (f) melaksanakan mana-mana fungsi atau kewajipan lain yang diwakilkan kepadanya oleh Pihak Berkuasa menurut perenggan 16(1)(cJ).

(5) Jawatankuasa Kelulusan dan Pelaksanaan boleh mengawal selia tatacaranya sendiri.

(6) Jawatankuasa Kelulusan dan Pelaksanaan hendaklah tertakluk kepada dan bertindak mengikut apa-apa arahan yang diberikan kepada Jawatankuasa itu oleh Pihak Berkuasa.

(7) Mesyuarat Jawatankuasa Kelulusan dan Pelaksanaan hendaklah diadakan pada bila-bila masa dan di mana-mana tempat yang ditentukan oleh pengerusi Jawatankuasa.

(8) Jawatankuasa Kelulusan dan Pelaksanaan hendaklah menyebabkan —

- (a) minit semua mesyuaratnya disenggarakan dan disimpan dalam bentuk yang sepatutnya; dan
- (b) salinan minit semua mesyuaratnya dikemukakan kepada Pihak Berkuasa secepat yang dapat dilaksanakan.

(9) Apa-apa minit yang dibuat semasa mesyuarat Jawatankuasa Kelulusan dan Pelaksanaan hendaklah, jika ditandatangani dengan sewajarnya, boleh diterima sebagai keterangan dalam segala prosiding undang-undang tanpa bukti selanjutnya.

(10) Tiap-tiap mesyuarat Jawatankuasa Kelulusan dan Pelaksanaan yang berkenaan dengan perjalanannya minit telah dibuat mengikut subseksyen (8) dan (9) hendaklah disifatkan telah dipanggil dan diadakan dengan sewajarnya dan semua anggota dalam mesyuarat itu layak dengan sewajarnya untuk bertindak.

(11) Anggota Jawatankuasa Kelulusan dan Pelaksanaan boleh dibayar apa-apa elaun dan perbelanjaan lain sebagaimana yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa.

(12) Tiada perbuatan yang dilakukan atau presiding yang diambil di bawah Akta ini boleh dipersoalkan atas alasan bahawa—

- (a) ada apa-apa kekosongan dalam keanggotaan, atau ada apa-apa kecacatan dalam penubuhan, Jawatankuasa Kelulusan dan Pelaksanaan; atau
- (b) ada apa-apa peninggalan, kecacatan atau ketidakteraturan yang tidak menyentuh merit hal itu.

Perkiraan dengan Entiti Kerajaan

31. (1) Tertakluk kepada subseksyen (2), Pihak Berkuasa boleh membuat perjanjian atau perkiraan dengan mana-mana Entiti Kerajaan berkenaan dengan—

- (a) penjalanan oleh Pihak Berkuasa dan Entiti Kerajaan itu mana-mana fungsi dan kuasa masing-masing;
- (b) penjalanan atau penyediaan apa-apa kerja atau perkhidmatan oleh Pihak Berkuasa bagi Entiti Kerajaan itu atau oleh Entiti Kerajaan itu bagi Pihak Berkuasa; atau
- (c) pemungutan oleh Pihak Berkuasa bagi pihak Entiti Kerajaan itu apa-apa fi, kos, levi, sumbangan atau apa-apa caj lain sebagaimana yang dikehendaki, dicajkan atau dikenakan dengan sah oleh Entiti Kerajaan itu.

(2) Mana-mana perjanjian atau perkiraan yang dibuat di bawah subseksyen (1) hendaklah —

- (a) dengan keizinan Menteri dalam hal sesuatu Entiti Kerajaan Persekutuan;
- (b) dengan keizinan Pihak Berkuasa Negeri Johor dalam hal sesuatu Entiti Kerajaan Negeri Johor; dan
- (c) tertakluk kepada dan mengikut undang-undang yang mengawal kuasa dan fungsi Entiti Kerajaan yang berkaitan.

Tanggungjawab Entiti Kerajaan

- 32.** Menjadi tanggungjawab tiap-tiap Entiti Kerajaan untuk—
- (a) bekerjasama dengan dan membantu Pihak Berkuasa dalam melaksanakan fungsi Pihak Berkuasa di bawah Akta ini;
 - (b) jika berkaitan, merujuk dan menggunakan maklumat, statistik dan faktor yang disebarkan oleh Pihak Berkuasa di bawah perenggan 5(c) dalam melaksanakan fungsi dan kewajibannya, dalam menjalankan kuasanya, dan dalam menjalankan aktivitinya, dalam Wilayah Pembangunan Iskandar; dan
 - (c) memberikan pertimbangan yang sewajarnya kepada dasar, undang-undang dan tindakan yang dicadangkan yang hendaklah terpakai bagi Wilayah Pembangunan Iskandar sebagaimana yang disyorkan oleh Pihak Berkuasa di bawah perenggan 5(d).

BAHAGIAN VI

KEWANGAN

Kumpulan Wang

- 33. (1)** Suatu kumpulan wang yang dikenali sebagai "Kumpulan Wang Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar" yang hendaklah ditadbirkan dan dikawal oleh Pihak Berkuasa ditubuhkan.
- (2) Kumpulan Wang hendaklah terdiri daripada—
- (a) apa-apa jumlah wang yang diperuntukkan oleh Parlimen bagi maksud Akta ini dari semasa ke semasa;
 - (b) apa-apa jumlah wang yang dibayar dari semasa ke semasa kepada Pihak Berkuasa daripada pinjaman yang dibuat oleh Pihak Berkuasa;
 - (c) semua wang yang didapati daripada pengendalian apa-apa projek, skim atau perusahaan yang dibiayai daripada Kumpulan Wang;
 - (d) semua wang yang didapati atau terbit daripada apa-apa harta, pelaburan, kumpulan wang pelaburan, gadai janji, gadaian atau debentur yang diperolehi oleh atau terletak hak pada Pihak Berkuasa;

- (e) apa-apa harta, pelaburan, kumpulan wang pelaburan, gadai janji, gadaian atau debentur yang diperoleh oleh atau terletak hak pada Pihak Berkuasa;
- (f) jumlah wang yang dipinjam oleh Pihak Berkuasa bagi maksud memenuhi mana-mana obligasinya atau menunaikan mana-mana kewajipannya;
- (g) fi, kos, levi, sumbangan dan caj lain yang dikenakan oleh Pihak Berkuasa di bawah Akta ini;
- (h) semua wang yang didapati daripada perkhidmatan perundingan dan nasihat dan apa-apa perkhidmatan lain yang diberikan oleh Pihak Berkuasa;
- (i) semua jumlah wang atau harta lain, selain jumlah wang yang disebut dalam perenggan 28(2)(b) dan subseksyen 37(2), yang mengikut apa-apa cara menjadi kena dibayar kepada atau terletak hak pada Pihak Berkuasa berkenaan dengan apa-apa perkara yang bersampingan dengan fungsi, kuasa dan kewajipannya; dan
- (j) semua wang lain yang diterima dengan sah oleh Pihak Berkuasa.

Perbelanjaan yang hendaklah dipertanggungkan pada Kumpulan Wang

34. Kumpulan Wang hendaklah dibelanjakan bagi maksud —

- (a) membayar apa-apa perbelanjaan yang dilakukan dengan sah oleh Pihak Berkuasa, termasuk fi dan kos ukur dan guaman dan fi dan kos lain;
- (b) membayar saraan, elaun dan perbelanjaan lain anggota Pihak Berkuasa, Jawatankuasa Kelulusan dan Pelaksanaan, mana-mana jawatankuasa, pegawai dan pekhidmat Pihak Berkuasa termasuk memberi pinjaman dan bayaran pendahuluan, elaun persaraan, faedah persaraan, pencen dan ganjaran;
- (c) membayar apa-apa belanja, kos atau perbelanjaan lain yang dilakukan atau disetujui terima dengan sah oleh Pihak Berkuasa dalam melaksanakan fungsinya atau menjalankan kuasanya di bawah Akta ini;

- (d) membeli atau menyewa loji, kelengkapan, jentera dan bahan, memperoleh tanah dan aset lain, dan mendirikan bangunan, dan menjalankan apa-apa kerja dan pengusahaan lain dalam melaksanakan fungsinya atau menjalankan kuasanya di bawah Akta ini;
- (e) membayar balik apa-apa wang yang dipinjam di bawah Akta ini dan bunga yang kena dibayar atas wang yang dipinjam itu;
- (f) memberikan bantuan kewangan di bawah seksyen 20; dan
- (g) pada amnya membayar apa-apa belanja bagi melaksanakan peruntukan Akta ini.

Pemeliharaan Kumpulan Wang

35. Menjadi kewajipan Pihak Berkuasa untuk memelihara Kumpulan Wang dengan melaksanakan fungsinya dan menjalankan kuasanya di bawah Akta ini dengan sedemikian cara supaya dapat dipastikan bahawa jumlah hasil Pihak Berkuasa mencukupi untuk membayar semua jumlah wang yang boleh dipertanggungjawabkan dengan sepatutnya pada akaun hasilnya, termasuk susut nilai dan bunga atas modal, dari setahun ke setahun.

Kumpulan wang rizab

36. Pihak Berkuasa hendaklah menubuhkan dan menguruskan suatu kumpulan wang rizab dalam Kumpulan Wang.

Kumpulan Wang Projek Sosial

37. (1) Pihak Berkuasa hendaklah menubuhkan dan menguruskan suatu kumpulan wang yang dikenali sebagai "Kumpulan Wang Projek Sosial".

(2) Kumpulan Wang Projek Sosial hendaklah terdiri daripada—

- (a) apa-apa jumlah wang yang disumbangkan atau didermakan dari semasa ke semasa bagi maksud Kumpulan Wang Projek Sosial oleh mana-mana orang, perbadanan atau entiti lain; dan

(b) jumlah wang yang dipinjam oleh Pihak Berkuasa bagi maksud Kumpulan Wang Projek Sosial.

(3) Kumpulan Wang Projek Sosial hendaklah dibelanjakan bagi projek, skim dan pengusahaan yang, pada pendapat Pihak Berkuasa, adalah bagi manfaat am komuniti Wilayah Pembangunan Iskandar dan selaras dengan strategi dan inisiatif dalam Rancangan Pembangunan Komprehensif yang berhubungan dengan pembangunan sosial, dan yang boleh, bagi mengelakkan keraguan, termasuk projek, skim dan pengusahaan bagi memajukan kesenian dan kebudayaan.

Akaun bank

38. Pihak Berkuasa hendaklah membuka dan menyenggarakan akaun atau akaun-akaun dengan mana-mana bank di Malaysia sebagaimana yang difikirkan patut oleh Pihak Berkuasa, dan tiap-tiap akaun hendaklah dikendalikan dengan seberapa yang boleh dilaksanakan melalui cek yang ditandatangani oleh mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Pihak Berkuasa bagi maksud itu dari semasa ke semasa.

Kuasa untuk meminjam

39. (1) Pihak Berkuasa boleh dari semasa ke semasa, dengan kelulusan Kerajaan Persekutuan, meminjam, pada apa-apa kadar bunga dan selama apa-apa tempoh dan atas apa-apa terma mengenai masa dan cara pembayaran balik dan selainnya sebagaimana yang diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan, apa-apa jumlah wang yang dikehendaki oleh Pihak Berkuasa bagi memenuhi mana-mana obligasinya atau menunaikan mana-mana kewajipannya atau bagi maksud Kumpulan Wang Projek Sosial.

(2) Pihak Berkuasa boleh dari semasa ke semasa, dengan kelulusan Kerajaan Persekutuan, meminjam wang melalui pengeluaran bon, debentur atau saham daripada apa-apa kelas dan nilai dan atas apa-apa terma yang, dengan kelulusan Kerajaan Persekutuan, difikirkannya suai manfaat, bagi semua atau mana-mana maksud yang berikut:

- (a) peruntukan modal kerja;
- (b) pelaksanaan fungsi, penjalanan kuasa dan penunaian kewajipan Pihak Berkuasa di bawah Akta ini;

- (c) pelaksanaan apa-apa fungsi tambahan yang diusahakan oleh Pihak Berkuasa di bawah Akta ini;
- (d) penebusan apa-apa syer atau saham yang Pihak Berkuasa dikehendaki atau berhak menebusnya; dan
- (e) apa-apa perbelanjaan lain yang boleh dipertanggungjawabkan dengan sepatutnya pada akaun modal.

Pelaburan

40. Wang Pihak Berkuasa, setakat yang wang itu tidak dikehendaki untuk dibelanjakan oleh Pihak Berkuasa di bawah Akta ini, hendaklah dilaburkan mengikut apa-apa cara yang diluluskan oleh Menteri.

Perbelanjaan dan penyediaan anggaran

41. (1) Perbelanjaan Pihak Berkuasa sehingga apa-apa amaun yang dibenarkan oleh Menteri bagi mana-mana satu tahun hendaklah dibayar daripada Kumpulan Wang.

(2) Sebelum permulaan bulan September setiap tahun, Pihak Berkuasa hendaklah mengemukakan kepada Menteri suatu anggaran perbelanjaan, termasuk perbelanjaan bagi projek pembangunan, bagi tahun yang berikutnya mengikut apa-apa bentuk dan yang mengandungi apa-apa butir sebagaimana yang diarahkan oleh Menteri.

(3) Menteri hendaklah, sebelum permulaan tahun yang berikutnya, memberitahu Pihak Berkuasa amaun yang dibenarkan bagi perbelanjaan secara amnya atau amaun yang dibenarkan bagi setiap perihalan perbelanjaan.

(4) Pihak Berkuasa boleh pada bila-bila masa mengemukakan kepada Menteri suatu anggaran tambahan perbelanjaannya bagi mana-mana satu tahun dan Menteri boleh membenarkan keseluruhan atau mana-mana bahagian daripada perbelanjaan tambahan yang termasuk dalam anggaran tambahan itu.

(5) Menteri boleh mengarahkan Pihak Berkuasa supaya mengemukakan suatu salinan anggaran atau anggaran tambahan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, kepada mana-mana pihak berkuasa awam lain sebagaimana yang dinyatakan dalam arahan itu.

Tahun kewangan

42. Tahun kewangan Pihak Berkuasa hendaklah bermula dari 1 Januari dan berakhir pada 31 Disember setiap tahun.

Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980

43. Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 [Akta 240] hendaklah terpakai bagi Pihak Berkuasa.

BAHAGIAN VII AM Kuasa untuk**mengambil khidmat**

44. Pihak Berkuasa boleh mengambil khidmat, melantik dan membayar ejen, kontraktor dan penasihat teknikal, termasuk peguam bela dan peguam cara, jurubank, broker saham, juruukur, penilai dan orang lain, untuk menjalankan apa-apa urusan, untuk menjalankan apa-apa projek, skim atau perusahaan, atau untuk melakukan apa-apa perbuatan yang dikehendaki dijalankan atau dilakukan dalam melaksanakan fungsinya, menjalankan kuasanya atau menunaikan kewajipannya atau bagi melaksanakan maksud Akta ini dengan lebih baik.

Kuasa untuk menubuhkan syarikat

45. Pihak Berkuasa boleh menubuhkan syarikat di bawah Akta Syarikat 1965 untuk menjalankan dan menjaga, mengelolakan dan menguruskan apa-apa projek, skim atau perusahaan yang telah dirancang atau diusahakan oleh Pihak Berkuasa dalam melaksanakan fungsinya atau menjalankan kuasanya.

Kesalahan kerana memberikan maklumat palsu atau mengelirukan

46. (1) Tertakluk kepada subseksyen (2), seseorang yang menzahirkan atau memberikan maklumat kepada Pihak Berkuasa yang diketahuinya atau yang dia mempunyai sebab untuk mempercayai adalah palsu atau mengelirukan melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ribu ringgit.

(2) Jika seseorang yang melakukan suatu kesalahan di bawah subseksyen (1) ialah seorang yang profesionnya dikawal selia oleh mana-mana undang-undang bertulis, dia boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit.

Kesalahan bagi pengubahsuaian tanpa kuasa maklumat dalam jagaan Pihak Berkuasa

47. (1) Seseorang melakukan suatu kesalahan jika dia melakukan apa-apa perbuatan yang dia tahu akan menyebabkan pengubahsuaian tanpa kuasa apa-apa maklumat, statistik atau data lain, sama ada dalam bentuk elektronik atau selainnya, dalam milikan, jagaan atau kawalan Pihak Berkuasa.

(2) Bagi maksud seksyen ini —

(a) adalah tidak material bahawa perbuatan berkenaan tidak ditujukan kepada —

(i) apa-apa maklumat, statistik atau data yang tertentu;

(ii) apa-apa jenis maklumat, statistik atau data; atau

(iii) apa-apa maklumat, statistik atau data yang disimpan di mana-mana lokasi tertentu;

(b) adalah tidak material sama ada sesuatu pengubahsuaian tanpa kuasa menjadi, atau diniatkan menjadi, kekal atau hanya sementara;

(c) sesuatu pengubahsuaian apa-apa maklumat, statistik atau data berlaku jika —

(i) maklumat, statistik atau data itu diubah atau dipadamkan;

(ii) apa-apa maklumat, statistik atau data baru dimasukkan atau ditambahkan kepada maklumat, statistik atau data itu; atau

(iii) apa-apa kejadian berlaku yang mengurangkan keupayaan Pihak Berkuasa untuk mendapatkan capaian kepada maklumat, statistik atau data itu,

dan termasuklah apa-apa perbuatan yang menyumbang kepada berlakunya pengubahsuaian itu.

(3) Seseorang yang melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen ini boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit, atau didenda tidak melebihi satu ratus lima puluh ribu ringgit jika perbuatan itu dilakukan dengan niat untuk menyebabkan kecederaan sebagaimana yang ditakrifkan dalam Kanun Keseksaan [Akta 574].

Pengecualian daripada duti setem

48. Pihak Berkuasa dan tiap-tiap syarikat yang ditubuhkan oleh Pihak Berkuasa adalah dikecualikan daripada pembayaran duti setem di bawah Akta Setem 1949 [Akta 378].

Obligasi kerahsiaan

49. (1) Kecuali bagi mana-mana maksud Akta ini atau bagi maksud apa-apa prosiding sivil atau jenayah di bawah mana-mana undang-undang bertulis, tiada anggota, pegawai atau pekhidmat Pihak Berkuasa, anggota Jawatankuasa Kelulusan dan Pelaksanaan, anggota mana-mana jawatankuasa atau orang yang diundang untuk menghadiri mana-mana mesyuarat Pihak Berkuasa, Jawatankuasa Kelulusan dan Pelaksanaan atau mana-mana jawatankuasa boleh menzahirkan apa-apa maklumat yang telah diperolehnya semasa melaksanakan kewajipannya dan yang tidak disiarkan menurut Akta ini.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau kedua-duanya.

Perlindungan terhadap tindakan guaman dan prosiding undang-undang

50. Tiada tindakan, guaman, pendakwaan atau prosiding lain boleh diambil atau dibawa, dimulakan atau dibuat dalam mana-mana mahkamah terhadap —

(a) Menteri;

(b) Pihak Berkuasa;

- (c) mana-mana anggota Pihak Berkuasa, mana-mana anggota Jawatankuasa Kelulusan dan Pelaksanaan, mana-mana anggota jawatankuasa, atau mana-mana pegawai, pekhidmat atau ejen Pihak Berkuasa; atau
- (d) mana-mana orang lain yang bertindak dengan sah bagi pihak Pihak Berkuasa,

berkenaan dengan apa-apa perbuatan, keabaiian atau keingkaran yang dibuat atau dilakukan olehnya dengan suci hati atau apa-apa peninggalan yang ditinggalkan olehnya dengan suci hati atas sifat yang sedemikian.

Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948

51. Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948 [*Akta J98*] hendaklah terpakai bagi apa-apa tindakan, guaman, pendakwaan atau prosiding terhadap Pihak Berkuasa atau terhadap mana-mana anggota Pihak Berkuasa, mana-mana anggota Jawatankuasa Kelulusan dan Pelaksanaan, mana-mana anggota jawatankuasa, atau mana-mana pegawai, pekhidmat atau ejen Pihak Berkuasa berkenaan dengan apa-apa perbuatan, keabaiian atau keingkaran yang dilakukan atau yang ditinggalkan olehnya atas sifat yang sedemikian.

Pekhidmat awam

52. Tiap-tiap anggota Pihak Berkuasa atau Jawatankuasa Kelulusan dan Pelaksanaan atau mana-mana jawatankuasa, atau mana-mana pegawai, pekhidmat atau ejen Pihak Berkuasa, semasa menunaikan kewajipan mereka di bawah Akta ini sebagai anggota, pegawai, pekhidmat atau ejen sedemikian, hendaklah disifatkan sebagai pekhidmat awam mengikut pengertian Kanun Keseksaan.

Pewakilan dalam prosiding sivil

- 53.** Walau apa pun mana-mana undang-undang bertulis yang lain —
- (a) dalam mana-mana prosiding sivil oleh atau terhadap Pihak Berkuasa; atau
 - (b) dalam mana-mana prosiding sivil yang lain yang Pihak Berkuasa dikehendaki atau dibenarkan oleh mahkamah untuk diwakili, atau untuk didengar, atau selainnya berhak untuk diwakili atau didengar,

mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Pihak Berkuasa bagi maksud itu boleh, bagi pihak Pihak Berkuasa, memulakan prosiding sedemikian atau hadir dalam prosiding itu dan boleh membuat semua kehadiran dan permohonan dan melakukan semua perbuatan berkenaan dengan prosiding itu bagi pihak Pihak Berkuasa.

Kuasa untuk membuat peraturan-peraturan

54. (1) Pihak Berkuasa boleh, dengan kelulusan Menteri, membuat apa-apa peraturan yang suai manfaat atau perlu bagi melaksanakan peruntukan Akta ini dengan lebih baik atau bagi menetapkan apa-apa jua yang boleh, atau dikehendaki, ditetapkan di bawah Akta ini.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1), peraturan-peraturan boleh dibuat bagi —

- (a) memantau pembangunan tanah dalam Wilayah Pembangunan Iskandar dan pada amnya membuat peruntukan bagi pembangunan tanah yang teratur dalam Wilayah Pembangunan Iskandar;
- (b) menetapkan cara yang apa-apa perihalan dokumen, cek dan surat cara hendaklah ditandatangani atau disempurnakan bagi pihak Pihak Berkuasa;
- (c) menetapkan tanggungjawab dan kawalan pegawai dan pekhidmat Pihak Berkuasa;
- (d) mengenakan fi, kos, levi, sumbangan atau apa-apa caj lain dalam apa-apa hal yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa;
- (e) mengadakan peruntukan mengenai apa-apa perkara yang berkaitan dengan syer, saham, bon atau debentur yang dikeluarkan di bawah Akta ini yang didapati oleh Pihak Berkuasa perlu atau suai manfaat, dan, khususnya, bagi mengawal selia kaedah pengeluaran, pemindahan hakmilik, penebusan atau urusan lain mengenai syer, saham, bon atau debentur itu;
- (f) menetapkan perihalan atau jenis pembangunan strategik yang ditetapkan atau kawasan pembangunan strategik yang ditetapkan bagi maksud seksyen 27;
- (g) menetapkan cara dan terma dan syarat yang bantuan kewangan boleh diberikan oleh Pihak Berkuasa di bawah seksyen 20;

- (h) menetapkan butir-butir bentuk dan kandungan Rancangan Pembangunan Komprehensif, tatacara yang hendaklah diikuti dalam penyediaan, pengemukaan dan kelulusannya;
- (i) menetapkan tatacara yang hendaklah diikuti dalam membuat perjanjian atau perkiraan dengan Entiti Kerajaan menurut seksyen 31;
- (j) menetapkan segala perkara yang berhubungan dengan pentadbiran Kumpulan Wang Projek Sosial; dan
- (k) mengadakan peruntukan bagi apa-apa perkara lain yang dimaksudkan oleh, atau perlu bagi melaksanakan sepenuhnya peruntukan Akta ini.

(3) Peraturan-peraturan yang dibuat di bawah seksyen ini boleh menetapkan apa-apa perbuatan atau peninggalan yang melanggar peraturan-peraturan itu menjadi suatu kesalahan dan boleh menetapkan penalti denda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya, dan dalam hal suatu kesalahan yang berterusan, boleh menetapkan denda selanjutnya sebanyak lima ribu ringgit bagi tiap-tiap hari atau sebahagian daripada sehari yang kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

Perkara yang dilakukan dalam menjangkakan Akta ini diperbuat

55. Segala perbuatan dan perkara yang dilakukan bagi pihak Pihak Berkuasa sebagai persediaan bagi atau pada menjangkakan pembuatan Akta ini dan apa-apa perbelanjaan yang dilakukan berhubung dengannya hendaklah disifatkan telah dibenarkan di bawah Akta ini, dengan syarat bahawa perbuatan dan perkara yang dilakukan itu selaras dengan niat dan maksud am Akta ini; dan segala hak dan obligasi yang diperoleh atau ditanggung akibat pelakuan perbuatan atau perkara itu termasuk apa-apa perbelanjaan yang dilakukan berhubung dengannya hendaklah apabila Akta ini mula berkuat kuasa disifatkan sebagai hak dan obligasi Pihak Berkuasa.

Pencegahan anomali

56. (1) Menteri boleh, selepas berunding dengan Pihak Berkuasa Negeri Johor, melalui perintah, membuat apa-apa ubah suaian dalam peruntukan Akta ini yang didapatinya perlu atau suai manfaat bagi maksud menghapuskan apa-apa kesulitan yang disebabkan oleh permulaan kuat kuasa Akta ini hanya berkenaan dengan pelaksanaan fungsi dan penjalanan kuasa oleh Pihak Berkuasa.

(2) Menteri tidak boleh menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen ini selepas habis tempoh dua tahun dari tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini.

(3) Dalam seksyen ini, "ubah suaian" ertinya pindaan, tambahan, pemotongan dan penggantian mana-mana peruntukan Akta ini.

JADUAL

[Subseksyen 8(2)]

Mesyuarat

1.(1) Pihak Berkuasa hendaklah bermesyuarat pada bila-bila masa dan di mana-mana tempat yang ditentukan oleh Pengerusi Bersama.

(2) Pengerusi Bersama hendaklah mempengerusikan mesyuarat Pihak Berkuasa.

(3) Pengerusi Bersama yang mempengerusikan mesyuarat Pihak Berkuasa di bawah subperenggan (2) dan empat orang anggota lain hendaklah membentuk suatu kuorum pada mana-mana mesyuarat Pihak Berkuasa.

(4) Tertakluk kepada subperenggan (5), tiap-tiap anggota yang hadir pada mesyuarat Pihak Berkuasa berhak mendapat satu undi.

(5) Bagi mengelakkan keraguan, dalam semua mesyuarat yang dipengerusikan oleh Pengerusi Bersama, undi Pengerusi Bersama hendaklah dikira sebagai satu.

(6) Jika mengenai sesuatu persoalan untuk ditentukan oleh Pihak Berkuasa terdapat bilangan undi yang sama banyak, Pengerusi Bersama hendaklah mempunyai undi pemutus.

Pihak Berkuasa boleh mengundang orang lain untuk menghadiri mesyuarat

2. (1) Pihak Berkuasa boleh mengundang mana-mana orang lain untuk menghadiri mana-mana mesyuarat atau perbincangan Pihak Berkuasa bagi maksud menasihatinya tentang apa-apa perkara yang sedang dibincangkan, tetapi mana-mana orang yang diundang sedemikian tidak berhak untuk mengundi dalam mesyuarat atau perbincangan itu.

(2) Mana-mana orang yang diundang untuk menghadiri mana-mana mesyuarat atau perbincangan Pihak Berkuasa di bawah subperenggan (1) boleh dibayar apa-apa elaun dan perbelanjaan lain sebagaimana yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa.

Ketetapan tanpa mesyuarat

3. (1) Suatu ketetapan dianggap telah diluluskan dalam sesuatu mesyuarat Pihak Berkuasa jika—

- (a) semua anggota Pihak Berkuasa telah dimaklumkan mengenai ketetapan yang dicadangkan itu, atau usaha yang munasabah telah diambil untuk memberitahu semua anggota Pihak Berkuasa mengenai ketetapan yang dicadangkan itu; dan
- (b) tanpa bermesyuarat, semua anggota Pihak Berkuasa menandakan persetujuan dengan ketetapan itu mengikut kaedah yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa di bawah subperenggan (2).

(2) Subperenggan (1) terpakai hanya jika Pihak Berkuasa—

- (a) memutuskan bahawa subperenggan itu terpakai; dan
- (b) memutuskan kaedah yang dengannya anggota Pihak Berkuasa boleh menandakan persetujuan tentang ketetapan itu.

Meterai perbadanan

4. (1) Pihak Berkuasa hendaklah mempunyai suatu meterai perbadanan yang hendaklah mengandungi apa-apa reka bentuk yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa dan meterai itu boleh dipecahkan, ditukar, diubah atau dibuat baharu sebagaimana yang difikirkan patut oleh Pihak Berkuasa.

(2) Sehingga suatu meterai diadakan oleh Pihak Berkuasa, suatu cap yang mengandungi perkataan "Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar" boleh digunakan dan hendaklah disifatkan sebagai meterai perbadanan Pihak Berkuasa.

(3) Meterai perbadanan itu hendaklah disimpan dalam jagaan Ketua Eksekutif atau mana-mana orang lain yang diberi kuasa oleh Pihak Berkuasa, dan hendaklah disahkan oleh Ketua Eksekutif atau orang yang diberi kuasa itu atau oleh mana-mana pegawai yang diberi kuasa oleh salah seorang daripada mereka secara bertulis; dan segala surat ikatan, dokumen atau surat cara lain yang berupa sebagai dimeteraikan dengan meterai itu, yang disahkan sebagaimana yang dinyatakan dalam subperenggan ini, hendaklah, sehingga dibuktikan sebaliknya, disifatkan telah disempurnakan dengan sah.

(4) Walau apa pun subperenggan (3), apa-apa dokumen atau surat cara yang jika disempurnakan oleh seseorang yang bukan suatu pertubuhan perbadanan, tidak dikehendaki supaya dimeteraikan boleh disempurnakan oleh Pihak Berkuasa mengikut cara yang serupa; dan mana-mana dokumen atau surat cara itu boleh disempurnakan bagi pihak Pihak Berkuasa oleh mana-mana pegawai atau pekhidmat Pihak Berkuasa yang diberi kuasa secara am atau khas oleh Pihak Berkuasa bagi maksud itu.

(5) Meterai perbadanan Pihak Berkuasa hendaklah diberi pengiktirafan rasmi dan kehakiman.

Minit

5. (1) Pihak Berkuasa hendaklah menyebabkan minit semua mesyuaratnya disenggarakan dan disimpan dalam bentuk yang sepatutnya.

(2) Apa-apa minit yang dibuat mengenai mesyuarat Pihak Berkuasa hendaklah, jika ditandatangani dengan sewajarnya, boleh diterima sebagai keterangan dalam semua prosiding undang-undang tanpa bukti selanjutnya.

(3) Tiap-tiap mesyuarat Pihak Berkuasa yang berkenaan dengan perjalanannya minit telah dibuat mengikut subperenggan (1) dan (2) hendaklah disifatkan telah dipanggil dan diadakan dengan sewajarnya dan semua anggota dalam mesyuarat itu layak dengan sewajarnya untuk bertindak.

Tatacara

6. Tertakluk kepada Akta ini, Pihak Berkuasa boleh mengawal selia tataranya sendiri.

Kesahan perbuatan dan prosiding

7. Tiada perbuatan yang dilakukan atau prosiding yang diambil di bawah Akta ini boleh dipersoalkan atas alasan bahawa—

- (a) ada apa-apa kekosongan dalam keanggotaan, atau ada apa-apa kecacatan dalam penubuhan, Pihak Berkuasa;
- (b) ada apa-apa peninggalan, kecacatan atau ketidakteraturan yang tidak menyentuh merit hal itu.

Anggota Pihak Berkuasa hendaklah menumpukan masa kepada urusan Pihak Berkuasa

8. Tiap-tiap anggota Pihak Berkuasa hendaklah menumpukan masa kepada urusan Pihak Berkuasa sebagaimana yang perlu bagi menunaikan kewajipannya dengan berkesan.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk mewujudkan suatu pertubuhan perbadanan yang dikenali sebagai "Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar" yang akan dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi memajukan dan merangsang pembangunan di Wilayah Pembangunan Iskandar, untuk mengadakan peruntukan bagi arah, dasar dan strategi yang wajar berhubung dengan pembangunan dalam Wilayah Pembangunan Iskandar, untuk mengadakan peruntukan bagi penyelarasan antara agensi kerajaan supaya dapat memajukan perdagangan, pelaburan dan pembangunan dalam Wilayah Pembangunan Iskandar, dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

BAHAGIAN I

2. Bahagian I Rang Undang-Undang mengandungi perkara-perkara permulaan.
3. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan mengenai permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan. Adalah dicadangkan bahawa Menteri boleh menetapkan tarikh-tarikh yang berlainan bagi permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.
4. *Fasal 2* mengandungi takrif beberapa ungkapan yang digunakan dalam Akta yang dicadangkan.

BAHAGIAN II

5. Bahagian II mengandungi peruntukan yang berhubungan dengan Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar.
6. *Fasal 3* mengandungi peruntukan yang berhubungan dengan penubuhan Pihak Berkuasa.
7. *Fasal 4* menyatakan objektif Pihak Berkuasa iaitu untuk membangunkan Wilayah Pembangunan Iskandar supaya menjadi metropolis bertaraf antarabangsa yang kukuh dan mapan.
8. *Fasal 5* dan *6* memperkatakan fungsi dan kuasa Pihak Berkuasa. Fungsi tambahan Pihak Berkuasa diperuntukkan dalam *fasal 7*.
9. *Fasal 8* mengandungi peruntukan mengenai keanggotaan Pihak Berkuasa. *Subfasal (2)* mengadakan peruntukan bagi perkara yang hendaklah dipatuhi Pihak Berkuasa sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual.
10. *Fasal 9* mengadakan peruntukan mengenai tempoh pemegangan jawatan, pembatalan pelantikan anggota Pihak Berkuasa dan peletakan jawatan mereka.
11. *Fasal 10* menyatakan keadaan apabila jawatan seseorang anggota Pihak Berkuasa dikosongkan.
12. *Fasal 11* mengadakan peruntukan mengenai pengisian kekosongan dalam Pihak Berkuasa.
13. *Fasal 12* mengadakan peruntukan mengenai pembayaran saraan atau elaun kepada anggota Pihak Berkuasa.
14. *Fasal 13* mengenakan kewajipan ke atas anggota Pihak Berkuasa, Jawatankuasa Kelulusan dan Pelaksanaan dan sesuatu jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Pihak Berkuasa untuk menzahirkan kepentingannya dalam apa-apa perkara yang sedang dibincangkan oleh Pihak Berkuasa, Jawatankuasa atau jawatankuasa itu.
15. *Fasal 14* mengadakan peruntukan mengenai penubuhan jawatankuasa untuk membantu Pihak Berkuasa.

16. *Fasal 15* mengandungi perihal tentang kawasan yang dalamnya Pihak Berkuasa akan melaksanakan fungsinya.
17. *Fasal 16* memperkatakan perwakilan fungsi dan kuasa Pihak Berkuasa.
18. *Fasal 17* menghendaki Pihak Berkuasa memberikan penyata, akaun dan maklumat kepada Menteri atau mana-mana pihak berkuasa awam.

BAHAGIAN III

19. Bahagian III mengandungi peruntukan tentang Ketua Eksekutif dan pegawai serta pekhidmat Pihak Berkuasa.
20. *Fasal 18* mengandungi peruntukan bagi pelantikan Ketua Eksekutif dan menyatakan tanggungjawabnya.
21. *Fasal 19* berhubung dengan pengambilan khidmat pegawai dan pekhidmat Pihak Berkuasa.
22. *Fasal 20* membenarkan Pihak Berkuasa memberikan bantuan kewangan kepada anggota, pegawai dan pekhidmatnya dan mana-mana orang lain.
23. *Fasal 21* membenarkan Pihak Berkuasa menerima pakai peraturan-peraturan, kaedah-kaedah, dasar, dsb., yang dikeluarkan oleh Kerajaan Persekutuan berhubung dengan pegawai dan pekhidmatnya.

BAHAGIAN IV

24. Bahagian IV mengandungi peruntukan yang berhubung dengan arah, dasar dan strategi bagi pembangunan dalam Wilayah Pembangunan Iskandar.
25. *Fasal 22* mengadakan peruntukan mengenai Pihak Berkuasa yang hendaklah bertanggungjawab bagi arah, dasar dan strategi berhubung dengan pembangunan dalam Wilayah Pembangunan Iskandar, dengan memb'eri perhatian kepada rangka am tentang dasar negara dan Negeri Johor dan menyatakan fungsi yang bersampingan dengan tanggungjawab itu. Fungsi itu termasuklah membantu Jawatankuasa Perancang Negeri dan pihak berkuasa perancang tempatan yang berkaitan untuk menyelaraskan pembangunan dalam Wilayah Pembangunan Iskandar, dan bagi maksud ini dan maksud lain dalam Bahagian ini Pihak Berkuasa hendaklah menyediakan suatu Rancangan Pembangunan Komprehensif untuk diterima pakai oleh pihak berkuasa perancang tempatan menurut *fasal 24*.
26. *Fasal 23* mengadakan peruntukan bagi penyediaan draf Rancangan Pembangunan Komprehensif yang merupakan dokumen terperinci yang mengandungi pernyataan bertulis yang merumuskan cadangan bagi rangka keseluruhan, wawasan, objektif dan strategi bagi pembangunan fizikal, ekonomi dan sosial di Wilayah Pembangunan Iskandar. Cadangan sedemikian berhubung dengan, antara lain, pengurusan kegunaan tanah, pemandaran, penggiatan semula Pusat Bandar Johor Bahru, infrastruktur bandar, perkhidmatan kemudahan dan pembangunan komersial yang disasarkan serta cadangan, dasar dan strategi yang terpakai bagi kawasan di sekeliling Wilayah Pembangunan Iskandar.

27. *Fasal 24* menghendaki Pihak Berkuasa mengemukakan draf Rancangan Pembangunan Komprehensif kepada Jawatankuasa Perancang Negeri untuk kelulusan. Jawatankuasa Perancang Negeri diberi kuasa untuk memberikan arahan kepada pihak berkuasa perancang tempatan dalam Wilayah Pembangunan Iskandar untuk memasukkan kandungan Rancangan Pembangunan Komprehensif yang diluluskan ke dalam draf rancangan tempatan yang berkaitan sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh Jawatankuasa Perancang Negeri.

28. *Fasal 25* membenarkan Pihak Berkuasa dan Jawatankuasa Perancang Negeri untuk bersesama mengkaji semula atau mengubah Rancangan Pembangunan Komprehensif.

29. *Fasal 26* mengenakan kewajipan ke atas tiap-tiap Entiti Kerajaan dan orang, sama ada tempatan atau asing, untuk mengambil tahu tentang dan bertindak dengan cara yang selaras dengan kandungan Rancangan Pembangunan Komprehensif dalam melaksanakan fungsinya, dsb., dalam Wilayah Pembangunan Iskandar.

30. Di bawah *fasal 27*, Pihak Berkuasa diberi kuasa untuk menetapkan melalui perintah suatu pembangunan strategik yang ditetapkan atau kawasan pembangunan strategik yang ditetapkan yang mempunyai kesan ekonomi yang penting kepada Wilayah Pembangunan Iskandar. Mana-mana orang atau Entiti Kerajaan yang berniat untuk menjalankan pembangunan strategik yang ditetapkan atau pembangunan dalam kawasan pembangunan strategik yang ditetapkan dikehendaki merujuk cadangan pembangunan itu kepada Pihak Berkuasa bagi arahnya sebelum menjalankan pembangunan itu. Ini adalah untuk memastikan pematuhan atau keselarasan cadangan pembangunan itu dengan Rancangan Pembangunan Komprehensif.

BAHAGIAN V

31. Bahagian V mengandungi peruntukan yang berhubungan dengan penyelarasan antara Entiti Kerajaan dalam Wilayah Pembangunan Iskandar.

32. Dalam menyelaraskan pelaksanaan aktiviti yang dijalankan oleh Entiti Kerajaan dalam Wilayah Pembangunan Iskandar, /a.ra/ 28 mengadakan peruntukan bagi Pihak Berkuasa untuk bertindak sebagai ejen penyelarasan utama atau ejen yang diberi kuasa bagi pihak Entiti Kerajaan yang berkaitan berhubung dengan penerimaan, pemprosesan dan pencepatan Kelulusan dan tindakan pentadbiran yang diperlukan berkenaan dengan permohonan bagi lesen, permit dan Kelulusan lain, yang dikehendaki bagi atau berkaitan dengan perdagangan, pelaburan dan pembangunan dalam Wilayah Pembangunan Iskandar. Pihak Berkuasa hendaklah juga memberikan perkhidmatan pentadbiran dan bantuan kepada Pihak Berkuasa Negeri Johor berkaitan dengan perkara-perkara yang berhubungan dengan tanah.

33. *Fasal 29* membenarkan Pihak Berkuasa melantik dua orang Pesuruhjaya atau lebih untuk berhubung dengan dan menyelaraskan semua agensi kerajaan yang berkaitan supaya dapat mempercepat pengeluaran atau pemberian lesen, permit dan Kelulusan lain yang dikehendaki atau yang ada di bawah undang-undang Persekutuan dan Negeri.

34. *Fasal 30* mengadakan peruntukan mengenai penubuhan Jawatankuasa Kelulusan dan Pelaksanaan oleh Pihak Berkuasa, keanggotaan dan tanggungjawabnya berhubung dengan cadangan pembangunan dan pelaburan yang utama atau strategik dalam Wilayah Pembangunan Iskandar.

35. Di *b'dwah fasal 31*, Pihak Berkuasa boleh membuat perjanjian atau perkiraan dengan mana-mana Entiti Kerajaan berkenaan dengan penjalanan fungsi dan kuasa masing-masing. Apa-apa perkiraan atau perjanjian itu adalah tertakluk kepada undang-undang yang mengawal fungsi dan kuasa Entiti Kerajaan yang berkenaan.

36. *Fasal 32* menyatakan tanggungjawab tertentu Entiti Kerajaan untuk bekerjasama dengan dan membantu Pihak Berkuasa.

BAHAGIAN VI

37. Bahagian VI mengandungi peruntukan kewangan.

38. *Fasal 33* mengadakan peruntukan mengenai penubuhan Kumpulan Wang Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (Kumpulan Wang) dan *fasal 34* menyatakan perbelanjaan yang dipertanggungkan pada Kumpulan Wang itu.

39. *Fasal 35* meletakkan kewajipan ke atas Pihak Berkuasa untuk memelihara Kumpulan Wang itu.

40. *Fasal 36* menghendaki Pihak Berkuasa untuk menubuhkan suatu kumpulan wang rizab dalam Kumpulan Wang itu.

41. *Fasal 37* mengadakan peruntukan mengenai penubuhan Kumpulan Wang Projek Sosial yang hendaklah dibelanjakan bagi projek, skim dan pengusahaan yang dimaksudkan bagi manfaat am komuniti di Wilayah Pembangunan Iskandar.

42. *Fasal 38* menghendaki Pihak Berkuasa membuka dan menyenggarakan akaun bank.

43. *Fasal 39* membolehkan Pihak Berkuasa meminjam wang.

44. *Fasal 40* membenarkan Pihak Berkuasa melaburkan wang Pihak Berkuasa.

45. *Fasal 41* menghendaki Pihak Berkuasa menyediakan suatu anggaran perbelanjaannya.

46. *Fasal 42* berhubung dengan tahun kewangan Pihak Berkuasa yang bermula pada 1 Januari dan berakhir pada 31 Disember setiap tahun.

47. *Fasal 43* memperuntukkan bahawa Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 terpakai bagi Pihak Berkuasa.

BAHAGIAN VII

48. Bahagian VII mengandungi peruntukan am.

49. *Fasal 44* memberi Pihak Berkuasa kuasa untuk mengambil khidmat, melantik dan membayar ejen, kontraktor dan penasihat teknikal, termasuk peguam bela dan peguam cara, jurubank dan broker saham.
50. *Fasal 45* bertujuan untuk membolehkan Pihak Berkuasa menubuhkan syarikat.
51. Di bawah *fasal 46*, adalah menjadi suatu kesalahan untuk menzahirkan atau memberikan maklumat palsu atau mengelirukan kepada Pihak Berkuasa.
52. *Fasal 47* mewujudkan suatu kesalahan bagi pengubahsuaian tanpa kuasa maklumat dalam milikan Pihak Berkuasa, sama ada dalam bentuk elektronik atau selainnya.
53. *Fasal 48* mengecualikan Pihak Berkuasa dan tiap-tiap syarikat yang ditubuhkan oleh Pihak Berkuasa daripada pembayaran duti setem.
54. *Fasal 49* melarang anggota, pegawai atau pekhidmat Pihak Berkuasa, anggota Jawatankuasa Kelulusan dan Pelaksanaan atau anggota sesuatu jawatankuasa atau orang yang diundang untuk menghadiri mesyuarat Pihak Berkuasa, Jawatankuasa Kelulusan dan Pelaksanaan atau mana-mana jawatankuasa daripada menzahirkan maklumat yang diperoleh semasa menjalankan tugasnya.
55. *Fasal 50* memberikan perlindungan kepada Menteri, Pihak Berkuasa dan anggota, pegawai dan pekhidmatnya dan orang lain yang menjalankan mana-mana kuasa di bawah Akta yang dicadangkan daripada tindakan, guaman atau pendakwaan jika perbuatan itu dibuat dengan suci hati.
56. *Fasal 51* mengadakan peruntukan bagi pemakaian Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948 bagi Pihak Berkuasa dan anggota, pegawai dan pekhidmatnya dan anggota Jawatankuasa Kelulusan dan Pelaksanaan atau sesuatu jawatankuasa.
57. *Fasal 52* menyatakan bahawa anggota Pihak Berkuasa, Jawatankuasa Kelulusan dan Pelaksanaan atau sesuatu jawatankuasa, dan pegawai, pekhidmat dan ejen Pihak Berkuasa adalah disifatkan sebagai pekhidmat awam.
58. *Fasal 53* berhubung dengan perwakilan dalam presiding sivil.
59. *Fasal 54* memperkatakan kuasa Pihak Berkuasa untuk membuat peraturan-peraturan.
60. *Fasal 55* mengadakan peruntukan mengenai perkara yang dibuat pada menjangkakan pembuatan Akta yang dicadangkan.
61. *Fasal 56* memberi Menteri kuasa untuk membuat apa-apa pindaan, penambahan, pemotongan atau penggantian kepada peruntukan Akta untuk menghapuskan apa-apa kesulitan yang disebabkan oleh permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.

Rang Undang-Undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan yang amaunnya belum dapat ditentukan sekarang ini.

[PN(U²)2534]

